

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Dakwah adalah bahagian daripada kehidupan dan tanggung jawab setiap Muslim. Setiap gerak geri seorang Muslim sepatutnya berlandaskan atas kesedaran untuk mengamalkan Islam dan menyebarkan syiarnya di samping mendidik masyarakat dengan nilai-nilai Islam yang sebenar. Dakwah boleh dijalankan dalam pelbagai bentuk yang sesuai dengan keadaan pendakwah mahupun keadaan sasaran dakwahnya. Dakwah boleh berbentuk individu, kumpulan dan institusi. Apa pun bentuknya, namun dakwah mestilah memiliki perancangan yang teliti, matang dan rasional.<sup>1</sup>

Cara Rasulullah SAW menjalankan dakwah adalah rujukan utama ketika berbincang tentang dakwah, strategi perancangan dan pelaksanaannya. Menyingkap kembali lembaran-lembaran perjalanan dakwah Rasulullah SAW akan membantu para pendakwah untuk lebih fokus menetapkan matlamat dakwahnya. Ali RA pernah berkata bahawa kebenaran yang tidak diurus dengan baik akan dikalahkan oleh kebatilan yang diurus dengan baik.

Institusi dakwah adalah suatu kenescayaan, sama ada formal atau pun tidak formal. Tetapi yang lebih penting adalah pengurusannya atau *management factor*. Faktor ini menjadikan institusi dakwah itu mampu melakukan perubahan yang lebih baik dan signifikan kepada individu-individu dalam masyarakat Islam sekali gus mampu memberikan sumbangan

---

<sup>1</sup> Berhanudin Abdullah (2000), "Pentadbiran Organisasi Dakwah" dalam *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 37.

positif terhadap pembangunan dan pembentukan karakter atau *character building* di sesuatu tempat di mana dakwah dijalankan.

Sekolah adalah salah satu bentuk daripada institusi dakwah yang perlu mendapat perhatian yang lebih serius. Hal ini kerana sekolah adalah institusi yang memainkan peranan yang cukup besar dalam pembentukan keperibadian dan karakter manusia. Waktu di sekolah adalah penjana perkembangan fizikal, mental, intelektual, emosional, spiritual dan sosial.

Pengurusan institusi dakwah di sekolah ini tidak hanya terbatas kepada pengurusan bahagian-bahagian atau unit-unit yang ada dalam institusi tersebut, secara langsung ianya juga merangkumi pengurusan program-program dakwah yang sebenarnya merupakan akar tunjang kepada institusi dakwah atau sekolah itu.

## **1.2 Latar Belakang Masalah Kajian**

Dakwah yang dijalankan Rasulullah SAW telah mencapai tujuan dan matlamatnya iaitu mengajak manusia yang menyembah berhala kepada manusia yang menyembah Tuhan yang menciptakan manusia serta berjaya merubah kehidupan masyarakat Arab jahiliah ketika itu kepada masyarakat yang Islamik. Bahkan ajaran Islam dengan cepat juga telah tersebar ke Semenanjung Arab dan hampir seluruh penjuru dunia yang dibawa dan dikembangkan oleh para sahabat dan pengikut Rasulullah SAW. Muhammad Natsir menyatakan bahawa kejayaan Rasulullah SAW dalam dakwah adalah hasil daripada dakwah yang bijaksana dan pengurusan yang baik.<sup>2</sup>

Apabila diamati ternyata dakwah dan pendidikan yang dijalankan oleh Rasulullah SAW dilaksanakan melalui prinsip-prinsip pengurusan yang baik. Dari aspek pendekatan atau

---

<sup>2</sup> Mohammad Natsir (2006), *Fiqhud Da'wah*. Cet. XIII, Jakarta: Media Dakwah, h. 97.

metod dakwah, Rasulullah SAW memulai dakwah daripada kalangan keluarga dan sahabat-sahabat terdekat. Hal ini sangat perlu untuk memastikan bahawa dakwah diterima tanpa keraguan kerana mereka mengetahui dengan pasti tentang akhlak dan kepribadian Rasulullah SAW.

Pemilihan tempat dakwah juga merupakan antara faktor penentu kejayaan dakwah Rasulullah SAW. Rumah baginda dan rumah sahabat al-Arqam bin Abī al-Arqam adalah antara tempat baginda menyampaikan mesej-mesej dakwah pada fasa peringkat awal dakwah baginda di Makkah. Rasulullah SAW bertindak demikian dengan maksud untuk menghindarkan konfrontasi dan konflik dengan masyarakat yang dikhuatiri dapat menggagalkan dakwah dan justeru, dapat memamatkan langkah-langkah dakwah berikutnya.<sup>3</sup>

Selepas hijrah, masjid menjadi pilihan baginda SAW dalam menyampaikan dakwah.<sup>4</sup> Pemilihan tempat yang sesuai dan pendekatan yang baginda gunakan menunjukkan bahawa pengurusan adalah satu aspek yang tidak terpisah dari proses dakwah.

Pengurusan masa dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat juga diambil berat oleh Rasulullah SAW. Biasanya, baginda akan menyampaikan hukum hakam berkaitan dengan sebarang kejadian atau peristiwa yang berlaku supaya lebih mudah diingat oleh para sahabat. Rasulullah juga diriwayatkan sering melemparkan soalan kepada sahabat tentang sesuatu perkara sebelum baginda sendiri yang menerangkannya. Masa yang

---

<sup>3</sup>Muhammad Amahzun (2002), *Manhāju al-Nabīy fi al-Da'wah min Khilāli al-Sīrah al-Sahīhah: al-Ma'rifah, al-Tarbīyah, al-Takhīṭ, al-Tanzīm*, Cairo: Dar al-Salām, h. 122.

<sup>4</sup> Ahmad Shalaby (1954), *History of Muslim Education*. Beirut: Dar al-Kassyāf, h. 30.

sering Rasulullah gunakan ialah selepas solat fardu. Rasulullah juga meluangkan masa untuk mengajar kaum wanita seminggu sekali.<sup>5</sup>

Dari sudut program dan isi kandungan dakwah pula Rasulullah SAW telah mengajarkan fiqah keutamaan atau *fiqh al-Awlawīyyāt*. Perkara ini dengan jelas boleh dilihat dari apa yang dipesankan oleh Rasulullah SAW kepada Muāz bin Jabal ketika beliau diutus untuk berdakwah ke Yaman agar mendahulukan masalah akidah (*syarāh*) iaitu dengan bersyahadat kemudian setelah itu solat, zakat dan puasa (*ibādah*), selanjutnya berhati-hati terhadap harta (*muāmalah*).

Bukan hanya pada mengurus masa, tempat, isi kandungan dan pendekatan dakwah, Rasulullah SAW juga mengajarkan betapa pentingnya sumber manusia yang menjalankan semuanya itu. Rasulullah SAW memanfaatkan kemampuan dan keunggulan sahabat-sahabat untuk memikul sesuatu tanggung jawab. Misalnya, ketika Rasulullah menyuruh Alī bin Abī Tālib menggantikan baginda di tempat tidur pada malam baginda melakukan hijrah<sup>6</sup>. Juga ketika baginda menugaskan Muhammad bin Maslamah untuk membunuh Ka'ab bin Asyraf seorang pemuka dan penyair Yahudi yang selalu menghina Rasulullah SAW dan menghasut kaum kafir Quraisy untuk selalu memusuhi Nabi dan kaum Muslimin.<sup>7</sup> Terbukti bahawa mereka berdua berjaya melaksanakan tugas yang diberikan dengan baik.

### **1.3 Masalah Kajian**

Integrated Islamic School Kota Damansara atau yang lebih dikenali dengan IISKD merupakan sebuah sekolah Islam swasta di Selangor dan menjadi sekolah alternatif

---

<sup>5</sup> Mohd Yusuf Ahamd (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 55.

<sup>6</sup> Safī-ur-Rahmaān Al-Mubarakfuri (2002), *The Sealed Nectar*, Riyadh: Darussalam, h. 204.

<sup>7</sup> Al-Thabarī, Abū Ja'far ibn Jarīr ibn Yazīd (w.922), *Tārikh al-Rusul wa al-Mulūk*. Cairo: Dar al-Ma'ārif, cet. Ke 4, 1979, juzuk 3, h. 107.

untuk pendidikan Islam bagi kanak-kanak usia remaja. Ada beberapa faktor yang menyebabkan ianya dianggap demikian. Antaranya ialah kondisi pendidikan sekolah kerajaan yang dianggap kurang memberikan perhatian yang cukup kepada pelajar dalam perkara dan aktiviti keagamaan.

Pendapat ini disuarakan oleh sebahagian ibu bapa yang menyekolahkan anak mereka di IISKD. Mereka menyatakan kebimbangan dengan gejala sosial yang berlaku di kalangan pelajar sekolah-sekolah kerajaan dan rakan-rakan di persekitaran. Antara sebab lain ialah kesibukan ibu bapa dengan kerjaya mereka sehingga perlu mencari sekolah alternatif yang dipercayai untuk anak-anak mereka dari pagi hingga ke petang sehingga mereka kembali dari tempat bekerja.

Faktor utama sebahagian besar ibu bapa memilih IISKD sebagai tempat pendidikan anak-anak mereka ialah kerana wujudnya kurikulum agama yang bersifat integrasi yang menyelaraskan kurikulum teras yang disusun Kementerian Pelajaran dengan program-program agama dan dakwah yang sedia ada di IISKD.

Namun, pada masa yang sama terdapat pula sebilangan ibu bapa di IISKD yang menyuarakan rasa tidak puas hati dan kekecewaan berkaitan dengan sistem pendidikan di IISKD. Mereka yang meluahkan rasa kecewa dan tidak berpuas hati ini adalah ibu bapa pelajar yang tidak melihat perkembangan nilai-nilai positif dalam diri anak-anak mereka terutama yang berkaitan dengan akhlak terhadap ibu bapa dan kesedaran terhadap kewajiban agama seperti solat pada awal waktu dan membaca al-Qurān. Ini menyebabkan sebahagian dari ibu bapa pelajar tadi mengeluarkan anak-anak mereka dari IISKD.

Berasaskan aspek positif dan negatif dari sistem pendidikan dan program-program keagamaan dan dakwah di IISKD, pengkaji tertarik untuk melihat lebih dekat tentang amalan pengurusan di IISKD khususnya yang berkaitan dengan pengurusan program dakwah. Ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis program dakwah yang dijalankan, cara program-program dakwah tersebut dirancang, dilaksanakan, dikawal serta pengaruh positif yang dicapai oleh pelajar, guru dan kakitangan IISKD. Hal ini penting untuk melihat dengan lebih objektif tentang sistem pendidikan di IISKD. Akhirnya, boleh diambil kesimpulan bahawa program-program yang dirancang mampu membuat para pelajar yang belajar di institusi ini berubah ke arah yang lebih baik.

Secara khususnya, kajian ini hanya akan membincangkan tentang pengurusan program dakwah di IISKD, jenis-jenis program dakwah dan cara program tersebut dilaksanakan serta mengetahui secara umum kesan setiap program terhadap pelajar, guru dan kakitangan.

#### **1.4. Objektif kajian**

Kajian yang dijalankan ini bermaksud untuk mencapai objektif berikut:

- 1.4.1. Mengetahui jenis-jenis program dakwah di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor.
- 1.4.2. Mengetahui sejauh manakah pengurusan program dakwah dijalankan di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor.
- 1.4.3. Mengetahui perubahan positif dalam diri pelajar, guru dan kakitangan setelah mengikuti program dakwah yang dijalankan di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor.

### **1.5. Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat membantu para *murabbī* (pendidik) di sekolah-sekolah dalam menyusun perancangan program dakwah yang lebih baik dan berkesan serta sesuai dengan peringkat umur pelajar. Kajian ini juga diharapkan boleh membantu memperbaiki sistem pengurusan dakwah di sekolah-sekolah yang mungkin kurang diambil kira dan dilaksanakan sambil lewa.

Bagi pihak sekolah yang belum biasa dan tidak berpengalaman menjalankan program dakwah, diharapkan kajian ini boleh membantu untuk mengintegrasikan kurikulum program dakwah ke dalam kurikulum teras sehingga tidak terjadi pemisahan antara program yang sedia ada di sekolah. Natiujahnya, matlamat kecemerlangan pelajar dalam program dakwah ini akan menjadi matlamat bersama sekolah dan semua tenaga pendidik yang ada.

Di samping itu, kajian ini juga diharapkan mampu memberikan cadangan program alternatif yang lebih fleksibel dan boleh dilaksanakan untuk menjayakan program dakwah dalam jangka panjang. Selain itu, ianya diharapkan boleh memberikan sumbangan pemikiran untuk sekolah-sekolah yang ingin menjalankan program-program dakwah secara lebih serius dan profesional.

### **1.6. Skop Kajian.**

Kajian ini akan membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan program dakwah di IISKD semenjak tahun 2007 hingga tahun 2010. Kajian ini hanya ditumpukan kepada tiga tahun terakhir sahaja kerana penubuhan bahagian tarbiyah yang bertanggungjawab dalam penyusunan program dakwah bermula pada tahun 2007 hingga sekarang.

Kajian ini juga akan membincangkan tentang program-program dakwah yang dijalankan, halangan yang dihadapi dalam menjalankan program, peruntukan masa yang disediakan untuk setiap program, evaluasi kejayaan setiap program yang telah dijalankan, respons peserta yang mengikuti program, kesan setiap program serta cadangan untuk penambahbaikan program pada masa hadapan.

### **1.7. Tinjauan Kajian Lepas**

Berdasarkan hasil pembacaan dan penelitian pengkaji dalam tempoh penyelidikan ini dijalankan, tidak terdapat kajian ilmiah yang berbentuk artikel, jurnal, disertasi dan tesis yang memiliki persamaan dengan tajuk kajian ini. Namun demikian, terdapat beberapa tajuk kajian yang berkaitan dengan dakwah, pengurusan dan hubungannya dengan pendidikan. Namun, perbincangan yang spesifik tentang pengurusan program dakwah di sekolah-sekolah tertentu belum lagi ditemui. Meskipun demikian, sepanjang menjalankan kajian penulis telah merujuk kepada hasil-hasil kajian ilmiah terdahulu yang hampir sama dengan bidang kajian penulis iaitu tentang pengurusan aktiviti-aktiviti dakwah di institusi dakwah seperti masjid dan institusi dakwah lainnya.

Mohd. Idris Jauzi dalam tulisannya menyatakan bahawa:

1. Dakwah merupakan sarana yang sangat vital dalam proses pembentukan karakter manusia khususnya anak-anak yang meningkat remaja yang akan mengarahkan secara positif cara berfikir dan perilaku dengan sewajarnya.
2. Diperlukan perhatian yang lebih besar dalam merealisasikan gerakan dakwah ke dalam sistem pendidikan di Malaysia.<sup>8</sup>

---

<sup>8</sup> Mohd. Idris Jauzi (1993), *Dakwah dan Sistem Pendidikan di Malaysia: Satu analisa dalam Gerakan Dakwah dan Orde Islam di Malaysia*, Petaling Jaya: ABIM, h. 71-76



Osman Bakar dalam tulisannya menyebutkan bahawa:

1. Pendidikan tidak boleh lari daripada kenyataan bahawa ianya memerlukan unsur pelengkap dalam mewujudkan dan mencapai matlamat pendidikannya.
2. Unsur itu adalah unsur dakwah yang merupakan inti pati perbincangan mengenai pendidikan terutama apabila ianya berkaitan dengan proses pembentukan karakter atau *character building*.<sup>9</sup>

Fazidah Md. Shukor pula dalam disertasinya menjelaskan bahawa:

1. Guru memainkan peranan yang sangat dominan dalam menjayakan setiap program dan aktiviti belajar dan mengajar di sekolah.
2. Guru adalah pemain utama dalam proses pembentukan karakter serta sebagai pembekal maklumat utama kepada para pelajar.
3. Kemampuan individual guru dan organisasinya akan menentukan corak dan warna yang ingin dicapai dalam matlamat pendidikan.

Semakin banyak guru yang memahami tanggung jawab sebagai pendidik dan *murabbī* maka semakin mudah jalan untuk mewujudkan dan mencapai matlamat bersama sekolah. Ini kerana kefahaman yang jelas tentang matlamat bersama yang ingin dicapai akan mempersempitkan ruang konflik dalam menjalankan program. Kalaupun timbul masalah dan konflik, maka ianya akan mudah diselesaikan.<sup>10</sup>

Ahmad Haji Awang dalam tulisannya menyebutkan bahawa:

1. Masalah utama yang dihadapi oleh sekolah-sekolah dalam menjalankan program dakwah adalah kurangnya sumber manusia yang mengerti dan memahami akan tugas dan tanggung jawab dakwah ini.

---

<sup>9</sup> Osman Bakar (1993) "Implikasi Gerakan Dakwah ke atas Sistem Pendidikan Negara Kini", dalam *Gerakan Dakwah dan Orde Islam di Malaysia: Strategi Masa Depan*, Petaling Jaya: ABIM, h. 45-42.

<sup>10</sup> Fazidah Md. Shukor (2004), "Penglibatan Guru dan Keberkesanan Program Dakwah di Sekolah", Kertas Projek, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, h. 20.

2. Hal itu disebabkan latar belakang pendidikan majoriti guru-guru tersebut, di mana mereka adalah graduan universiti dari disiplin ilmu yang bukan berteraskan agama. Maka ketika mereka diberi tanggung jawab untuk menjalankan program dakwah, mereka menemui kesulitan yang menyebabkan program tidak boleh dijalankan dengan sempurna.<sup>11</sup>

Syed Othman AlHabshi menjelaskan bahawa:

1. Dakwah di Malaysia memerlukan suatu pengurusan yang dapat mengatasi pelbagai masalah yang timbul dalam pelaksanaan dakwah.
2. Yang dimaksudkan adalah pengurusan yang mampu menentukan matlamat yang sebenar, objektif yang harus dicapai, memiliki struktur pengurusan yang boleh mengendali dan merancang pencapaian matlamat dengan strategi dan program yang wajar dilaksanakan serta mengawal dan melaksanakan segala tugas yang telah ditentukan.
3. Pengurusan dakwah harus mengandungi penentuan matlamat, objektif dakwah, strategi dakwah, struktur pengurusan, perancangan dan program serta belanjawan<sup>12</sup>.

Erzy Izanur'ain mendapati bahawa:

1. Pertubuhan-pertubuhan dakwah di Kuala Lumpur, secara menyeluruh, dalam kajian ini pihak JAM'YIAH, PERKIM dan juga JIM masih lagi mengekalkan program tradisi seperti ceramah, usrah, tazkirah, dan kelas-kelas pengajian agama.
2. Namun begitu, menurut hasil kajiannya, setiap pertubuhan telah menonjolkan

---

<sup>11</sup> Ahmad Haji Awang (1984), "Kegiatan Dakwah dan Permasalahannya di Sekolah", dalam *Kursus Dakwah dan Kepimpinan bagi Guru-Guru (Bukan Guru Agama) Sekolah Menengah dan Rendah*, Kuala Lumpur, h. 8.

<sup>12</sup> Syed Othman AlHabshi (1993), "Kepentingan Pengurusan Dalam Dakwah Islamiah", (penyunting) Abdullah Muhammad Zin, Che Yusuf Che Mamat dan Idris Endot (1997), *Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 112.

kemampuan masing-masing dalam merancang dan melaksanakan program-program alternatif baru seperti perkhemahan, ekspedisi, motivasi, seminar, forum, dan perkelahan.<sup>13</sup>

## **1.8. Definisi Istilah Tajuk**

Untuk menjelaskan tujuan daripada kajian yang dijalankan ini, maka perlu adanya penjelasan yang mencukupi tentang definisi tajuk untuk memudahkan melihat akar permasalahan yang sedang dibincangkan serta hubungannya dengan pengurusan program dakwah yang dilaksanakan dan anasir yang memudahkan serta menyukarkan terlaksananya program-program tersebut.

### **1.8.1. Pengurusan**

Griffiths (1959) menyatakan bahawa pengurusan adalah salah satu corak tingkah laku yang diperoleh dalam semua organisasi manusia. Ianya adalah proses mengatur dan mengawal sesuatu organisasi sosial.<sup>14</sup> Stoner (1984) mengatakan pengurusan ialah satu proses merancang, mengelola, memimpin, mengawal daya usaha ahli organisasi dan menggunakan sumber-sumber lain untuk mencapai matlamat yang ditentukan.<sup>15</sup>

Sedangkan pengurusan dalam konteks Islam ditakrifkan sebagai satu proses melakukan kerja dan menyempurnakan kerja melalui fungsi-fungsi pengurusan secara fitrah melalui dan bersama orang lain dalam usaha untuk mencapai objektif kerja secara berkesan dan menggunakan sumber-sumber organisasi dengan cekap dalam persekitaran

---

<sup>13</sup> Erzy Izanur'ain binti Haron (2008), "*Perkembangan Program Pertubuhan Dakwah di Kuala Lumpur*" (Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur).

<sup>14</sup> Griffiths (1959), *Administration Theory*, Boston: Houghton Mifflin Company, h. 13

<sup>15</sup> James A.F Stoner (1984), *Management*, New Jersey: Prentice Hall, Inc, h. 21.

yang dinamik dan sentiasa berubah bagi mencapai objektif organisasi demi mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat.<sup>16</sup>

### **1.8.2. Program**

Dalam kamus Dewan, disebutkan bahawa program adalah rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan.<sup>17</sup> Dalam kamus Longman pula, program didefinisikan sebagai “*A list of plan activities or plans for future action*”.<sup>18</sup> Iaitu bermaksud senarai aktiviti yang telah dirancang atau rancangan untuk sesuatu tindakan pada masa hadapan.

Program yang di maksud pengkaji dalam kajian ini adalah susunan aktiviti yang telah dirancang oleh pihak sekolah untuk menjayakan sesuatu program yang berbentuk dakwah di mana para pelajar adalah sebagai sasaran utamanya.

### **1.8.3. Dakwah**

Dakwah dari segi bahasa memiliki beberapa makna, antaranya:

1. Meminta tolong, beribadat, menjemput, mengajak, memanggil, menyeru dan melaung.<sup>19</sup>
2. Dalam bahasa Melayu, dakwah bererti kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima suatu kepercayaan.<sup>20</sup>
3. Suatu usaha berupa perkataan atau perbuatan untuk menarik manusia ke suatu aliran atau agama tertentu.
4. Memohon, menyeru dan meminta, ini yang sering disebut dengan istilah doa.

---

<sup>16</sup> Azman Che Omar (2001), *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 7.

<sup>17</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (2002), *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1057.

<sup>18</sup> Jonathan Crowther. (1991). *Longman Dictionary of Contemporary English. New Edition*. United Kingdom, h. 828.

<sup>19</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2003), *Pengantar Ilmu Dakwah*, cet. 3., Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 1.

<sup>20</sup> Teuku Iskandar (2007), *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1779-1780.

Allah SWT berfirman:

قُلِ ادْعُوا اللَّهَ أَوْ ادْعُوا الرَّحْمَنَ أَيًّا مَا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ

*“Katakanlah (Wahai Muhammad): "Serulah "Allah" atau "Ar-Rahman", yang mana sahaja kamu serukan (dari kedua-dua nama itu adalah baik belaka); kerana Allah mempunyai banyak nama-nama yang baik serta mulia". Dan janganlah Engkau nyaringkan bacaan doa atau sembahyangmu, juga janganlah Engkau perlahankannya, dan gunakanlah sahaja satu cara yang sederhana antara itu”.*

Surah al-Isra’ (17): 110

Adapun dakwah dari sudut istilah ialah usaha untuk mengajak manusia dengan perkataan dan perbuatan kepada Islam, menerapkan manhajnya, memeluk akidahnya dan melaksanakan syariatnya.<sup>21</sup>

Dakwah menurut Ab. Aziz Mohd Zin ialah usaha yang dilakukan oleh seseorang atau kumpulan dengan pendekatan tertentu untuk membawa manusia kepada keredaan Allah.<sup>22</sup> Menurut Wan Hussien, dakwah difahami sebagai satu usaha merangsang manusia kepada jalan kebaikan dan melarang dari melaksanakan kemungkaran serta menyelamatkan manusia daripada kesesatan dan mengingatkan mereka supaya menjauhi perkara-perkara yang boleh mengakibatkan mereka mendapat azab dari Allah.<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> Jum’ah Amin Abdul Aziz (2005) *Fiqh Dakwah Prinsip dan Kaedah Asasi Dakwah Islam*. Abdus Salam Masykur (terj.c.5), Solo: Era Intermedia, h. 27

<sup>22</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (Dr), (1999), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h.2

<sup>23</sup> Wan Hussien Azmi (1984), *Ilmu Dakwah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.3.

Abu Bakar Zakaria pula mengemukakan dakwah dengan rumusan sebagai usaha para pendakwah dan orang-orang yang memiliki pengertian tentang agama Islam untuk memberikan pengajaran kepada khalayak umum mengenai hal-hal yang menimbulkan pengertian kepada mereka berkenaan dengan urusan agama dan dunia menurut kemampuannya.<sup>24</sup>

#### **1.8.4 Integrated Islamic School Kota Damansara (IISKD)**

Integrated Islamic School Kota Damansara adalah sekolah Islam swasta bersepadu yang berlokasi di PJU5/15 No. 23 Dataran Sunway, Kota Damansara, Petaling Jaya 47810, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

### **1.9. Metodologi Kajian**

Dalam bahagian ini, pengkaji akan membincangkan tentang lokasi kajian, rekabentuk kajian, subjek kajian, metode pengumpulan data, instrumen kajian dan analisa kajian.

#### **1.8.1. Lokasi Kajian**

Kajian ini dijalankan sepenuhnya di Integrated Islamic School Kota Damansara (IISKD) Selangor. Terletak di PJU5/15 No.23 Dataran Sunway, Kota Damansara, Petaling Jaya 47810 Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

#### **1.8.2. Subjek Kajian**

Subjek kajian ini ialah barisan pengurus, kaki tangan dan guru-guru IISKD. Ini kerana merekalah yang bertanggungjawab menguruskan, mengendalikan, melaksanakan dan mengawal semua program yang dijalankan di institusi ini. Selain itu, para pelajar yang

---

<sup>24</sup> Abu Baker Zakaria (1986), *Al-Dakwah ilā al-Islām*, Kaherah: Dār al-Ilmi, h.4.

mengikuti setiap program juga diambil sebagai subjek kajian bagi menilai tentang kesan program yang dijalankan sama ada ianya diurus dengan baik ataupun sebaliknya.

### **1.8.3. Kaedah Penyelidikan**

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan lebih dari satu kaedah penyelidikan (*mix method*)<sup>25</sup>. Reka bentuk ini membolehkan pengkaji memerihalkan dan membuat siasatan yang lebih mendalam serta mempunyai data yang boleh dipercayai, tepat, cukup untuk membuat kesimpulan, sesuai dan dapat di analisa dengan statistik. Kajian ini merupakan kajian deskriptif yang disokong oleh data yang diperoleh daripada kaedah survei, kaedah pengamatan dan kajian perpustakaan.

### **1.8.4. Kaedah Pengumpulan Data**

Untuk mencari, mengumpul, memperoleh dan mendapatkan segala maklumat yang diperlukan sebagai bahan dalam kajian ini, pengkaji menggunakan metode kajian perpustakaan dan kajian lapangan.

#### **1.8.4.1. Kajian Perpustakaan**

Metode ini digunakan untuk mendapatkan data yang tepat dan benar bagi memahami lebih jauh tentang topik kajian yang sedang dijalankan. Kajian perpustakaan dalam kajian ini bertujuan untuk mengetahui konsep dan teori yang berkaitan dengan kajian secara mendalam.

Bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa buah perpustakaan, antaranya ialah: Perpustakaan Utama Universiti Malaya,

---

<sup>25</sup> Mohd. Nor (2000) menjelaskan bahawa kaedah ini digunakan ketika kajian melakukan pelbagai jenis.. maklumat daripada sampel. Hal ini juga disebutkan oleh Levin & Rubin (2000) serta Spradley (1979). Sedangkan Guba & Lincoln (1981), Anglin (1993), Cohen & Manion (1986) menyebutnya sebagai *Triangulation Research Design*. (Darusalam, G (2001), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Bangi: UKM Press, h. 109-121.

Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur dan Perpustakaan Awam Taman Tun Dr Ismail Kuala Lumpur serta buku-buku rujukan pengkaji dan para sahabat. Hasil kajian melalui metode ini dibentangkan pada bab dua dan bab tiga.

#### **1.8.4.2. Kajian Lapangan**

Kaedah dalam melakukan penyelidikan lapangan yang pengkaji gunakan adalah kaedah tinjauan. Bagi mendapatkan maklumat di lapangan, pengkaji menggunakan beberapa kaedah untuk mengumpulkan data iaitu; temu bual, pengamatan dan soal selidik.

##### **1.8.4.2.1. Temu Bual**

Temu bual yang pengkaji lakukan adalah temu bual akademik iaitu interaksi sosial di antara penemu bual (*interviewer*) dengan yang ditemubual (*interviewee*). Interaksi sosial ini bertujuan untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat dari *interviewee* dan tiada unsur hiburan atau paksaan.<sup>26</sup> Metode temu bual ialah salah satu cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara langsung atau secara persendirian secara lisan daripada seseorang responden dengan cara bercakap secara bersemuka dengannya.<sup>27</sup> Metode ini digunakan untuk menjawab objektif pertama dan kedua dari kajian ini iaitu; mengenal pasti jenis-jenis program dakwah di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor dan mengenal pasti sejauh manakah pengurusan program dakwah diamalkan di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor.

---

<sup>26</sup> Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., h. 71.

<sup>27</sup> Koentjaraningrat (1986), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: PT Gramedia, h. 129.



Bagi mendapatkan maklumat dan gambaran umum tentang pengurusan program dakwah di IISKD, penyelidik telah melakukan temu bual dengan Pemilik Integrated Islamic School Kota Damansara iaitu Tuan Haji Zubir Ismail.

#### **1.8.4.2.2. Observasi**

Observasi ialah suatu pemerhatian yang dilaksanakan ke atas satu keadaan yang telah dikenal pasti hasil dari satu perancangan yang teliti. Pemerhatian ini akan menghasilkan satu deskripsi terperinci tentang keadaan berkenaan bagi membolehkan penyelidik memahaminya secara mendalam.<sup>28</sup> Penggunaan kaedah ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang saling melengkapi antara data hasil daripada kaedah ini dengan data hasil daripada kaedah lain.<sup>29</sup> Metode ini juga digunakan untuk menjawab objektif pertama dan kedua dari kajian ini iaitu; mengenal pasti jenis-jenis program dakwah di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor dan mengenal pasti sejauh manakah pengurusan program dakwah diamalkan di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor.

#### **1.8.4.2.3 Soal selidik**

Dalam kajian ini, soal selidik diertikan sebagai rangkaian soalan yang distrukturkan berasaskan kepada pembolehubah-pembolehubahan yang dikenal pasti untuk menghasilkan sejumlah data bagi menjelaskan masalah yang dikaji.<sup>30</sup> Metode ini digunakan untuk menjawab objektif ketiga dari kajian ini iaitu; mengetahui perubahan positif dalam diri pelajar, guru dan kakitangan setelah mengikuti program dakwah yang dijalankan di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor.

---

<sup>28</sup> Idris Awang (2009), *op.cit.*, h. 74.

<sup>29</sup> J. Supranto (1986), *Kaedah Penyelidikan, Penggunaannya Dalam Pemasaran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 67-68

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 76.

Borang kaji selidik diedarkan kepada guru, kakitangan dan pelajar. Jumlah responden adalah sebanyak 100 orang dengan perincian sepertimana dalam jadual 1.

Responden	Bilangan
Guru	26
Kakitangan	9
Pelajar	65

Jadual 1. Pecahan responden soal selidik

Penyelidik membina 120 item soalan yang dibahagikan kepada enam bahagian iaitu bahagian A, B, C, D, E dan F. Bahagian A mengandungi lima item soalan mengenai latar belakang responden, yang terdiri dari jantina, umur, pendidikan terakhir (kakitangan dan guru), bahagian/unit bekerja (kakitangan dan guru) serta tingkatan belajar (pelajar).

Bahagian B terdiri dari 24 item soalan yang akan menjawab tentang objektif pertama dari kajian ini iaitu melihat amalan pengurusan program dakwah di IISKD. Bahagian ini menggunakan skala Likert lima markah (1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju, 5=sangat setuju).

Bahagian C mengandungi 13 item soalan berkaitan dengan hambatan dalam pelaksanaan program dakwah. Bahagian ini juga menggunakan skala Likert lima markah (1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju, 5=sangat setuju).

Bahagian ini merupakan soalan yang menjawab objektif kedua dari kajian ini iaitu mengenal pasti sejauh manakah pengurusan program dakwah diamalkan di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor.

Bahagian D pula mengandungi 26 item soalan berkaitan dengan sambutan dan kesan program dakwah yang dilaksanakan di sekolah. Bahagian ini menggunakan skala Likert lima markah (1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju, 5=sangat setuju). Bahagian ini juga untuk menjawab objektif ketiga dari kajian iaitu mengetahui perubahan positif dalam diri pelajar, guru dan kakitangan setelah mengikuti program dakwah yang dijalankan di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor.

Bahagian terakhir dari soal selidik ini ialah bahagian E dan F. Bahagian ini memudahkan penyelidik dalam membuat kesimpulan mengenai amalan pengurusan program dakwah daripada segi perancangan, pelaksanaan, evaluasi, dan kesan daripada tiap-tiap program dakwah yang dilaksanakan di sekolah Bahagian ini mengandungi 52 item soalan dengan menggunakan skala Likert lima markah (1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju, 5=sangat setuju).

### **1.9. Instrumen Kajian**

Antara instrumen kajian ini ialah borang soal selidik yang diedarkan kepada responden bagi mendapatkan data. Penyelidik mengedarkan 100 borang soal selidik dan 78 borang berjaya dikutip balik. Ia bermakna sebanyak 78 peratus responden berjaya menjawab kesemua pertanyaan yang diajukan dengan sempurna.

Skala Likert lima markah juga digunakan pada bahagian B, C, D, E dan F untuk mendapatkan jawapan dari responden terhadap soalan yang diberikan. Kaedah skala Likert ini memerlukan responden menjawab dengan cara menandakan skor yang telah disediakan di ruangan jawapan. Sekiranya responden merasa sangat setuju dengan kenyataan yang dikemukakan, maka mereka akan menandakan dengan meletakkan tanda √ pada ruang jawapan skor 5. Jika responden sangat tidak setuju, mereka akan menandakan dengan meletakkan tanda √ pada ruang jawapan skor 1. Responden dikehendaki menandakan hanya satu skor sahaja iaitu yang paling sesuai bagi item berkaitan.<sup>31</sup>

Untuk memastikan responden memahami item-item yang terdapat dalam borang soal selidik, pengkaji memberikan taklimat ringkas mengenai cara menjawab soalan-soalan tersebut. Antara faktor yang memudahkan pengkaji memberikan taklimat kepada responden ialah lokasi responden yang berada dalam satu bangunan sekolah, di mana perkara ini juga memudahkan pengkaji dalam mengutip kembali borang-borang yang telah dibahagikan.

Selain itu, beberapa soalan yang diajukan semasa temu bual dilihat sebagai instrumen kerana ianya dapat melengkapkan kekurangan data yang diperolehi melalui pembacaan. Pengkaji juga menggunakan buku-buku, kertas kerja dan bahan bacaan lain sebagai instrumen kajian dalam melengkapkan landasan teori kajian ini. Ianya dilihat penting dan membantu pengkaji dalam merangka borang soal selidik serta soalan temubual yang relevan dengan kajian ini.

---

<sup>31</sup>Likert, Rensis (1932), ), "A Technique for the Measurement of Attitudes", *Archives of Psychology* **140**: 1–55

## 1.10. Analisa Data

Menurut Idris Awang dalam membincangkan analisa data, selalunya kaedah induktif dan deduktif yang dijelaskan<sup>32</sup>. Maka pada kajian ini, data-data yang diperoleh dianalisa menggunakan kaedah induktif dan deduktif. Dalam pendekatan induktif, menurut Matthew B.Miles dan A.Michael Huberman, penyelidik mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan atau menghuraikan fenomena yang dikaji.<sup>33</sup>

Pada kajian ini, penulis menggunakan pendekatan induktif dalam dengan mengumpulkan dokumen, pandangan pengurus IISKD diperoleh melalui temu bual, serta hasil soal selidik kepada responden yang disembarkan untuk dianalisa menjadi sebuah dapatan kajian terhadap permasalahan yang dikaji.

Data-data yang diperoleh daripada soal selidik disemak dan diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* SPSS versi 19.00, kemudian data di analisa menggunakan kaedah analisa deskriptif untuk menerangkan taburan kekerapan dan peratusan. Manakala data-data daripada temu bual dan pemerhatian juga dibentangkan secara deskriptif sebagai menyokong atau menghurai data soal selidik.

Pendekatan deduktif yang merupakan pendekatan umum kepada khusus. Penulis menggunakan kaedah ini dalam bab II dan III, manakala pendekatan induktif pengkaji gunakan pada bab IV dan bab V dalam menganalisis data yang diperoleh melalui borang soal selidik dan dalam merumuskan hasil kajian.

---

<sup>32</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan Intel Multimedia and Publication, h. 82.

<sup>33</sup> *Ibid.*

### **1.11. Sistematik Penulisan**

Kajian ini dibahagikan kepada lima bab utama dan setiap bab mengandungi sub-sub bab yang ada kaitan dengan bab utama. Ini bertujuan untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan mudah dalam penulisan ini. Susunan bab-bab adalah seperti berikut:

Bab Pertama merupakan bab pendahuluan yang terdiri dari pengenalan, latar belakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, tinjauan kajian lepas, definisi istilah tajuk, dan metodologi kajian yang terdiri dari reka bentuk kajian, lokasi kajian, subjek kajian, kaedah penyelidikan, kaedah pengumpulan data, instrumen kajian dan analisa data.

Bab Kedua merupakan bab mengenai teori-teori tentang pengurusan program dakwah. Bab ini menjelaskan tentang konsep program dan dakwah, unsur-unsur program dan dakwah serta bagaimana seharusnya sesuatu program dakwah dijalankan.

Bab Ketiga merupakan bab mengenai Program Dakwah di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor. Bab ini mengemukakan informasi menyeluruh tentang IISKD dan memaparkan pelbagai aktiviti dakwah oleh unit-unit yang bertanggungjawab melaksanakannya.

Bab Keempat merupakan analisa terhadap dapatan kajian yang diperoleh melalui soal selidik. Bab ini terdiri dari analisa terhadap demografi responden, pandangan terhadap pengurusan program dakwah, amalan-amalan dalam fungsi pengurusan program dakwah di IISKD serta pengaruh positifnya terhadap pelajar, guru dan kakitangan.

Bab Kelima merupakan bab penutup yang terdiri dari rumusan, saranan dan cadangan bagi pihak-pihak yang berkaitan dengan kajian ini.

Berdasarkan kepada apa yang telah dipaparkan, diharapkan kajian ini akan memberikan hasil seperti yang disasarkan berdasarkan kepada beberapa objektif yang telah dikenal pasti. Diharapkan kajian ini akan memberikan manfaat kepada Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor dan kepada pengkaji-pengkaji selepas ini yang berminat dalam pengurusan program dakwah di sekolah-sekolah atau institusi-institusi dakwah lainnya.

## BAB II

### PENGURUSAN PROGRAM DAKWAH

#### 2.1. Pendahuluan

Sebelum membincangkan dengan lebih lanjut berkaitan dengan pengurusan program dakwah di Integrated Islamic School, Kota Damansara atau IISKD, maka adalah penting untuk mengetahui dengan jelas apakah yang dikatakan sebagai program dakwah. Untuk mengetahui hal tersebut, mestilah dilihat terlebih dulu akan definisi antara program dan dakwah untuk kemudian dilihat korelasi antara keduanya; sehingga ditemukan benang merah yang mengikat keduanya, di mana nanti akan nampak suatu komposisi yang harmoni untuk mewujudkan suasana keseimbangan dalam pelaksanaan program dan aktiviti dakwah.

##### 2.1.1 Definisi Program

Dalam bahasa Arab, program disebut sebagai *barnāmiġ*<sup>34</sup> iaitu merupakan rancangan tentang sesuatu dasar dan cara melaksanakannya atau susunan acara sesuatu pertunjukan, pertandingan dan sebagainya.<sup>35</sup> Program juga adalah pelan sekali guna yang merupakan satu bentuk lain bagi operasi. Tujuannya ialah untuk mencapai sesuatu objektif tertentu dengan belanjawan tertentu. Apabila objektif program tercapai, maka program itu akan tamat.

Menurut Kamus Dewan, istilah program boleh difahami dengan empat maksud. Pertama, program bermaksud rancangan yang menentukan dasar-dasar yang akan dijalankan dalam pembangunan, perekonomian dan lain sebagainya. Kedua ialah acara pertandingan, pertunjukan dan lain sebagainya. Ketiga, susunan rancangan seperti

---

<sup>34</sup> Abd Rauf Dato' Haji Hassan Azhari (2005), *Kamus Istilah Media, Melayu-Arab*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, h. 324.

<sup>35</sup> Abd Aziz Rahman (2000), *Kamus Millenium*, Selangor: Federal Publications Sdn. Bhd., h. 552.



drama, muzik, filem dan sebagainya yang ditonton di televisyen atau didengar di radio. Keempat, program bermaksud arahan berupa kod yang dimasukkan ke dalam sistem komputer untuk membolehkannya memproses atau mengendalikan data secara tertentu.<sup>36</sup> Dalam definisi yang lain pula, program diertikan sebagai satu kumpulan aktiviti yang dijalankan dalam jangka masa dan kos yang dipastikan dengan jelas bagi mencapai objektif yang ditetapkan.<sup>37</sup>

Selain, itu menurut Samsudin Wahab, program bermaksud: suatu aktiviti yang dirancang dengan cara sistematik oleh seorang individu atau beberapa orang individu tertentu dan merupakan satu persembahan, majlis, seminar, pertunjukan atau pertandingan yang terbatas fungsinya; serta diadakan bagi mencapai satu objektif yang berfaedah kepada individu, kumpulan individu tertentu ataupun masyarakat.<sup>38</sup>

## **2.1.2 Elemen-Elemen Program**

Dalam membincangkan perkara-perkara berkaitan program, terdapat beberapa ciri tertentu iaitu:

### **2.1.2.1 Pengurusan Program**

Pengurusan program ialah proses merancang dan mengawal kegiatan-kegiatan dalaman program dan sumber-sumber (manusia, wang, peralatan dan masa) yang disediakan oleh sesebuah organisasi untuk melaksanakan sesuatu program.<sup>39</sup>

Pengurusan program melibatkan empat fasa utama iaitu fasa pra perancangan yang melibatkan kerja ke arah taklimat program bagi membentuk sumber-sumber rujukan dan

---

<sup>36</sup> Hajah Noresah bt Baharom (2005), *Kamus Dewan (edisi keempat)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1233-1234.

<sup>37</sup> Md Zuki Hashim (2008), *Mengatur Acara Rasmi Sekolah*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., h. 17.

<sup>38</sup> Samsudin Wahab (2007), *Mengurus Majlis dan Acara Rasmi*, Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd., h. 1.

<sup>39</sup> *Ibid*, h. 19.

menggariskan kemungkinan-kemungkinan. Fasa kedua ialah fasa perancangan lengkap bagi menyediakan taklimat kerja yang lengkap meliputi prosedur dan jadual kegiatan. Fasa ketiga merupakan fasa pelaksanaan program dan fasa akhir ialah ulasan pascaprogram iaitu melibatkan laporan akhir, penilaian dan pendokumentasian.

Selain itu juga dalam merancang sesuatu program, perlu ada di sana penentuan tema program, penetapan objektif dan pengukuran kesan program, mengenal pasti profil peserta dan penyediaan format dan bentuk pendekatan yang ingin diambil.

### **2.1.2.2 Jawatankuasa Program**

Pembentukan jawatankuasa khas bagi melaksanakan pelbagai tugas bagi menjayakan sesebuah program adalah satu keperluan. Ahli jawatankuasa akan berbincang dan merancang sepanjang pertemuan atau mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan. Untuk membentuk sesebuah jawatankuasa, kita boleh membuat pemilihan bentuk struktur jawatankuasa sepertimana yang dipraktikkan dalam pengurusan sesebuah organisasi atau syarikat. Antaranya ialah struktur ringkas<sup>40</sup> yang menjadikan susunan jawatan dalam jawatankuasa lebih ringkas dan mudah di mana ianya hanya dikepalai oleh seorang ketua merangkap pengurus program dan di bawahnya, terus dibentuk beberapa jawatankuasa khas.

Dalam struktur fungsi<sup>41</sup> pula, setiap jawatankuasa terdiri daripada beberapa individu yang akan menumpukan kepada fungsi khusus masing-masing dan memberi lebih fokus kepada bidang tugas yang telah ditetapkan berdasarkan fungsi-fungsi yang wujud dalam program yang ingin dijalankan. Biasanya pengurus atau pengarah program akan menyerahkan seratus peratus tugas yang diamanahkan kepada setiap jawatankuasa

---

<sup>40</sup> Samsudin Wahab, *op.cit.*, h. 25.

<sup>41</sup> *Ibid*, h. 25.

tersebut (*empowerment*). Selain itu juga, terdapat beberapa lagi struktur organisasi yang lain seperti struktur matriks dan sebagainya, yang boleh dirujuk dalam buku-buku panduan organisasi dan diguna pakai dalam mengendalikan jawatankuasa sesuatu program.

### **2.1.2.3. Objektif Program**

Dalam menjalankan sesuatu program, objektif yang jelas perlu ditetapkan. Setiap program yang dijalankan haruslah memiliki suatu matlamat yang jelas. Objektif yang ingin dicapai daripada program yang dianjurkan adalah berbeza-beza mengikut jenis program yang ingin dijalankan<sup>42</sup>. Contohnya, bagi program berbentuk seminar, objektif yang biasa digariskan ialah mendapatkan pandangan pakar tertentu dalam pelbagai bidang, mencapai penyatuan fikiran dan pemahaman terhadap sesuatu masalah yang diperbincangkan, mencari persetujuan dan menentukan pihak yang tertentu untuk dipertanggungjawabkan melaksanakan tindakan.

Begitu juga dengan program-program yang lain seperti program yang dirancang untuk kalangan pelajar yang kebiasaannya menggariskan objektif yang melibatkan perkembangan minda, rohani dan jasmani para pelajar di samping mencungkil bakat dan kebolehan yang ada. Hal yang sama berlaku kepada program lain seperti program kursus jenazah yang diadakan di masjid untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat bagaimana tatacara pelaksanaan mengurus jenazah mulai dari memandikan hingga sampai ke liang kubur.

---

<sup>42</sup> Samsudin Wahab, *op. cit.*, h. 1-3.

### **2.1.2.3 Bentuk Program**

Sesuatu program yang dijalankan hendaklah mengambil kira kepentingan serta faedah yang akan dinikmati oleh para peserta yang bakal menyertainya. Terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan bagi mengenal pasti para peserta program. Justeru, pemilihan program mestilah yang paling memberikan manfaat daripada pelbagai program yang disenaraikan.<sup>43</sup>

### **2.1.2.4 Peruntukan Belanjawan Program**

Antara ciri-ciri lain bagi sesuatu program ialah memiliki belanjawan yang boleh ditakrifkan sebagai perancangan kewangan bagi menjayakan program yang telah dirancang. Ia adalah suatu laporan berangka yang mengandungi maklumat-maklumat sumber dan perbelanjaan yang akan dilakukan terhadapnya sehinggalah program yang dirancang itu tamat dengan jayanya.<sup>44</sup>

Terdapat beberapa langkah pengurusan belanjawan seperti meninjau keadaan ekonomi semasa, mengenal pasti panduan belanjawan bagi menyempurnakan objektif yang telah ditetapkan termasuklah sub-belanjawan, membuat anggaran kos yang akan ditanggung serta sumber pembiayaan, menyediakan draf belanjawan dan seterusnya, menilai draf tersebut bagi menyediakan belanjawan akhir dan nisbah kawalan.

### **2.1.2.5 Tarikh dan Tempat Program**

Dalam melaksanakan sesuatu program, tarikh dan tempat untuk menjalankan program perlu difikirkan. Ia sangat penting bagi mengelakkan sebarang pertindihan dengan program-program yang lain. Tarikh yang dipilih mestilah bersesuaian dengan keberadaan peserta untuk hadir dalam program berkenaan. Tarikh yang tidak sesuai

---

<sup>43</sup> *Ibid*, h. 31.

<sup>44</sup> *Ibid*, h. 37-38.

menyebabkan pihak penganjur akan mengalami risiko kehadiran yang kurang daripada jumlah yang disasarkan.<sup>45</sup>

Sebagai contoh, dalam satu tahun terdapat berbagai-bagai jenis cuti yang dikelaskan sebagai cuti umum, cuti kerajaan negeri, cuti tahunan, cuti rehat, cuti semester dan sebagainya. Oleh itu, dalam pemilihan tarikh untuk menjalankan program, amatlah penting bagi pihak penganjur menyemak cuti-cuti tersebut kerana setiap penganjuran program hendaklah menghormati masa dan hari-hari cuti tersebut.

Pemilihan tempat program hendaklah tepat dan mengambil kira soal keselesaan dan keselamatan para peserta di sepanjang program dijalankan. Dengan ini, matlamat yang ingin ditetapkan akan dapat dicapai dengan jayanya.

#### **2.1.2.6 Pemasaran Program**

Selain itu juga, pemasaran juga merupakan satu ciri yang sangat penting dalam mengendalikan sesebuah program. E. Herome McCarthy mendefinisikan konsep pemasaran sebagai idea yang perlu dilaksanakan oleh sesebuah organisasi bagi tujuan memuaskan pelanggan pada tingkat yang menguntungkan.<sup>46</sup>

Melalui pemasaran program, penganjur akan dapat mempromosikan program yang dijalankan, seterusnya meningkatkan sambutan terhadap program yang dianjurkan. Berdasarkan pencirian yang diberikan di atas dapatlah kita memahami dan mengenal pasti apakah yang dimaksudkan dengan program.

---

<sup>45</sup> *Ibid*, h. 45.

<sup>46</sup> *Ibid*, h. 87.

Walaupun terdapat banyak lagi ciri lain yang tidak disebutkan secara satu persatu di atas, namun gambaran kasar terhadap pengertian dan elemen-elemen asas program seperti mana yang diketengahkan dapat memberi gambaran umum terhadap pendefinisian program itu sendiri.

### **2.1.3 Definisi Dakwah**

Dakwah pula dapat didefinisikan sebagai proses menyeru manusia kepada kebaikan dan hidayah Allah serta menyuruh melakukan perkara-perkara kebaikan (makruf) dan melarang daripada perbuatan yang terlarang (mungkar).<sup>47</sup>

Selain itu, dakwah membawa maksud sebagai kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan.<sup>48</sup> Abdul Halim Mahmud menegaskan bahawa dakwah adalah suatu proses mengajak manusia ke jalan Allah dengan peranan yang digerakkan oleh para pendakwah.<sup>49</sup>

### **2.1.4 Elemen-Elemen Dakwah**

Dalam membincangkan berkaitan takrif dakwah, terdapat beberapa elemen-elemen utama yang biasa diketengahkan dan mampu memberikan kepada kita gambaran umum tentang apakah sebenarnya yang dibincangkan dalam topik dakwah. Elemen-elemen itu ialah:

#### **a. Dai**

Dai merupakan subjek atau pemain utama kepada dakwah yang ingin digerakkan. Dai yang juga biasa disebut sebagai juru dakwah atau pendakwah memainkan peranan sebagai penasihat, pemimpin, dan pemberi peringatan melalui cara yang baik sama ada melalui pengarahannya, pengucapannya mahupun melalui sikap dan perilakunya sehari-

---

<sup>47</sup> Ali Mahfus (1958), *Hidayah al-Mursyidin*, Kaherah: Mathba'ah Uthmaniyah, h. 170.

<sup>48</sup> Hajah Noresah bt. Baharom, *op.cit.*, h. 264.

<sup>49</sup> Ali Abd. Halim Mahmud (1992), *Fiqh al-Dakwah al-Fardiyyah*, Indonesia: Dar al-Wafa', h. 25.

hari. Seorang dai akan sentiasa mengingatkan tentang hari akhirat, berita-berita gembira dan azab neraka untuk menyelamatkan manusia umumnya daripada hanyut dengan tipu daya dunia.<sup>50</sup>

Dai ialah Muslim dan juga Muslimat yang menjadikan dakwah sebagai suatu tugasannya yang utama sebagai satu kesedaran akan tanggungjawab agama dalam memastikan ajaran Islam disampaikan kepada manusia. Dai ialah penerang yang menyeru, mengajak dan memberi pengajaran dan pelajaran berkaitan dengan Islam kepada manusia yang lain.<sup>51</sup>

Di samping itu, seorang dai berperanan sebagai ejen kepada perubahan (*agent of change*) dalam sesebuah masyarakat bagi menyelamatkan mereka dengan dasar-dasar nilai keagamaan.<sup>52</sup>

Seorang dai haruslah berpegang teguh dengan al-Qurān dan al-Sunnah. Ini kerana al-Qurān dan al-Sunnah merupakan petunjuk dan penyelesaian segala masalah. Selain itu para dai hendaklah sentiasa jujur dan beramal dengan ilmunya, berakhlak mulia, bersopan santun, berlemah lembut dan juga berani dalam menyatakan kebenaran. Dan yang paling utama ialah seorang dai hendaklah memahami situasi dan perasaan sasaran dakwahnya dan jangan sampai menjadikan dunia sebagai raja dalam dirinya sehingga akan menjadikan segala amalnya hanya untuk mendapatkan tujuan duniawi semata.<sup>53</sup>

Menurut Imam Ahmad al-Marāghī, seorang dai hendaklah berilmu dalam bidang al-Qurān dan al-Sunnah dan juga sirah kehidupan Rasulullah SAW serta *Khulafāu al-*

---

<sup>50</sup> A Hasyimi (1974), *Dustur Dakwah Menurut al-Al-Qurān*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 162

<sup>51</sup> HMZ. Nzaruddin Lathief (1978), *Teori dan Praktek Dakwah*, Jakarta: Penerbit Firma Data, h. 20.

<sup>52</sup> Dra. Siti Muriah (2000), *Metodologi Dakwah Kontemporer*, Jogjakarta: Mitra Pustaka, h. 24.

<sup>53</sup> Syaikh Ali Mahfuz (1984), *Hidāyatu al-Mursyidīn ilā Turuqi al-Naz'i wa al-Khitābah*, Beirut: Darul Ma'arif, h. 78.

*Rāsyidūn*. Dai hendaklah pandai membaca situasi umat yang menjadi sasaran dakwahnya sama ada dalam urusan watak , akhlak dan kehidupannya.<sup>54</sup>

Selain itu dai perlu mengetahui bahasa yang digunakan sasaran dakwahnya agar lebih mudah memahami hakikat keadaan mereka di samping perlu mengetahui agama, aliran dan mazhab-mazhab sasaran dakwah mereka agar dapat memudahkan proses dakwah lantaran mengetahui kebatilan-kebatilan yang terkandung padanya.

Sedangkan Dr. Abdul Karim Zaidan mengatakan bahawa akhlak seorang dai yang pertama ialah siddiq, jujur dan benar dalam menyampaikan risalah dakwah. Kedua, seorang dai mestilah memiliki sifat sabar atas segala bentuk ujian sama ada kesenangan mahupun kesusahan. Ketiga, seorang dai hendaklah memiliki sifat kasih terhadap sasaran dakwahnya. Keempat, seorang dai harus menjauhi sifat sombong, sebaliknya sentiasa merendah diri dan yang terakhir ialah sentiasa bergaul dengan manusia untuk mendekati, memahami dan menggerakkan dakwah kepada mereka.<sup>55</sup>

#### **b. Sasaran Dakwah (*mad'ū*)**

Sasaran dakwah adalah objek dakwah yang dijalankan. Sasaran dakwah adalah manusia yang akan diajak kepada Islam secara *kāffah*. Sasaran dakwah biasanya terdiri daripada pelbagai latar belakang ideologi dan pegangan yang berbeza-beza seperti ateis, animis, musyrik, munafik bahkan ada juga yang Muslim tetapi fasiq atau pelaku dosa dan maksiat.

---

<sup>54</sup> Imam Ahmad Al-Marāghī, *Tafsir Al-Marāghī*, Beirut: Dār Ihyā al-Turās al-‘Arabīy, h. 22.

<sup>55</sup> Dr. Abdul Karim Zaidan (2002), *Islam dan Dakwah*, Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd., h. 389-417.



Selain itu, sasaran dakwah juga memiliki perbezaan antara satu sama lain dari sudut intelektual, status sosial, kesihatan, pendidikan dan sebagainya.<sup>56</sup> Kelas-kelas perbezaan sasaran dakwah ini dapatlah dibahagikan kepada beberapa tingkatan iaitu: sasaran dakwah yang dilihat dari segi sosiologi berupa masyarakat desa, pinggir bandar, kota, pekan dan sebagainya.

Kedua, dilihat dari segi struktur penginstitutionian berupa rakyat biasa, golongan profesional, kelas menengah dan pemerintah. Seterusnya, ialah dari segi tingkat usia yang melibatkan kanak-kanak, remaja, dewasa dan tua. Sasaran dakwah yang seterusnya ialah dari segi sosioekonomi berupa golongan sasaran dakwah yang kaya, menengah, miskin dan seterusnya.<sup>57</sup>

Dr. Abdul Karim Zaidan mengklasifikasikan sasaran dakwah kepada empat golongan iaitu kaum bangsawan yang kebiasaannya bersifat sombong dan menganggap dirinya yang terbaik dalam segala aspek. Mereka juga sangat mencintai kekuasaan dan kemegahan sehingga takut untuk melepaskannya.

Golongan kedua ialah golongan orang awam atau orang kebanyakan, mereka merupakan golongan sasaran dakwah yang lemah dan fakir pada umumnya. Mereka mudah menerima seruan dakwah kerana mereka tidak memiliki sifat-sifat sepertimana yang dimiliki oleh golongan bangsawan tadi.

Golongan yang ketiga ialah golongan munafik yang sentiasa melakukan kerosakan di muka bumi, berpura-pura dalam keimanan, berat dalam melaksanakan ajaran agama dan sifat-sifat kemunafikan yang lain.

---

<sup>56</sup> Dr. Siti Mardiah, *op.cit*, h. 32-33.

<sup>57</sup> Arifin (1991), *Psikologi Dakwah (Suatu Pengantar Studi)*, Jakarta: Bumi Aksara, h.3.

Dan yang keempat ialah golongan pelaku maksiat di mana golongan ini merupakan golongan mukmin, namun tidak melaksanakan perintah agama sehingga hanya mengerjakan sebahagian perintah agama dan mengabaikan sebahagian yang lain.

### c. Isi Kandungan Dakwah

Dr. Abdul Karim Zaidan menggariskan bahawa isi kandungan dakwah adalah Islam itu sendiri.<sup>58</sup> Ini berdasarkan firman Allah SWT:

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

*“Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam.*

Surah Ali Imran (3): 19

Ini termasuklah perbincangan dari sudut definisi Islam, rukun-rukun Islam, siri-siri keistimewaan Islam, sistem-sistem Islam dan objektif–objektif (*maqāsid*) Islam itu sendiri.<sup>59</sup> Oleh kerana itu, dalam mengetengahkan isi kandungan dakwah ini, para dai perlulah memastikan pengambilan isi kandungan dakwah ini benar-benar dari sumber yang betul. Sumber-sumber tersebut yang pertamanya ialah al-Qurān.

Para sasterawan dan ahli bahasa memandang al-Qurān dari segi kecantikan isi dan pengertiannya. Para fuqaha pula melihat al-Qurān dari segi susunan dan ayat yang nyata diperhatikan untuk dikeluarkan hukum syarak. Manakala ulama kalam pula memandang al-Qurān dari segi lafaznya sedangkan ulama sosiologi melihat al-Qurān dari segi

---

<sup>58</sup> Dr. Abdul Karim Zaidan (2002), *op.cit.*, h. 7.

<sup>59</sup> *Ibid*, h. 9.

ibadah untuk memetik perkara-perkara yang boleh dijadikan panduan dalam akhlak, bahasa, sosial dan sebagainya.<sup>60</sup>

Sumber kedua ialah hadis Nabi SAW. Hadis merupakan sumber rujukan kedua isi kandungan dakwah selepas al-Qurān. Sebarang perkara yang terbit dari sumber hadis Nabi SAW tidak pernah sama sekali mengikuti hawa nafsu bahkan ia mendapat pancaran wahyu dari Allah SWT. Sumber yang seterusnya ialah sejarah hidup para *salafussāleh*, analisa para ulama dan pengalaman dai itu sendiri.

#### **d. Metodologi Dakwah**

Metodologi dakwah juga merupakan antara elemen yang penting dalam membincangkan berkaitan dakwah. Metodologi berasal dari bahasa Latin iaitu *methodos* yang membawa erti 'cara' ataupun 'cara melaksana'. *Logos* pula bermaksud ilmu. Justeru, makna keseluruhan bagi istilah metodologi ini ialah ilmu tentang cara melaksanakan sesuatu perkara. Jadi, metodologi dakwah dapat diertikan sebagai ilmu berkaitan dengan cara melaksanakan dakwah.<sup>61</sup>

Terdapat pelbagai metodologi dalam melaksanakan dakwah kepada sasaran dakwah. Metode ini termasuklah metode pada isi kandungan, metode pada para dai itu sendiri, metode pada penyampaian dan sebagainya. Sebagai contoh dalam mengemukakan dakwah, antara metode yang boleh diambil ialah metode memudahkan bukan menyusahkan.<sup>62</sup> Dalam metode ini, para dai tidak memberati sasaran dakwah tetapi mengemukakan Islam yang mudah difahami dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

---

<sup>60</sup> Ghazali Darussalm (1996), *Dinamika Ilmu Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Dsn. Bhd., h. 13-14.

<sup>61</sup> Drs. Stamsuri Shiddiq (1981), *Dakwah dan Teknik Berkhutbah*, Bandung: Penerbit Ma'arif, h. 13.

<sup>62</sup> Jum'ah Amin Abdul Aziz (2003), *Fiqh Dakwah*, Solo: Era Intermedia, h. 318.

Selain itu metode lain yang boleh dipakai ialah mendahulukan khabar gembira sebelum memberi khabar ancaman.<sup>63</sup> Mengikut metode ini, para dai disarankan mengemukakan berita-berita gembira terlebih dahulu kepada sasaran dakwah sebelum mengemukakan khabar-khabar ancaman kerana ini boleh menjauhkan sasaran dakwah yang baru sahaja menyambut seruan dakwah yang dijalankan lantaran khabar-khabar yang bersifat ancaman.

Terdapat banyak lagi elemen-elemen yang boleh disentuh dalam perbincangan berkaitan dakwah. Namun, berdasarkan beberapa elemen utama yang telah diketengahkan di atas tadi, diharapkan akan dapat membantu dalam memahami akan pendefinisian dan konsep dakwah itu sendiri.

## **2.2. Kesimpulan Definisi dan Konsepsi Program Dakwah**

Daripada keterangan-keterangan di atas yang berkaitan dengan program dakwah, dapatlah dibuat beberapa kesimpulan dalam mendefinisikan dan memahami konsep program dakwah:

2.2.1. Program dakwah adalah suatu bentuk aktiviti yang dijalankan dalam kerangka yang mempunyai penyusunan yang teratur seperti perancangan, pembentukan jawatankuasa pelaksana, mempunyai objektif yang ditetapkan, pemilihan bentuk program yang ingin dijalankan, kerangka belanjawan, mempunyai tarikh dan tempat yang ditentukan dan juga mempunyai perancangan pemasaran program.

2.2.2. Dalam pelaksanaannya, program dakwah menempatkan pelaksana program sebagai dai, peserta sebagai sasaran dakwah, program tentatif sebagai medan

---

<sup>63</sup> *Ibid*, h. 348.

untuk mengetengahkan isi kandungan dakwah dan pendekatan program sebagai metodologi dakwah.

2.2.3. Program dakwah hendaklah memiliki matlamat akhir yang jelas iaitu kearah mengajak manusia kepada pengabdian diri kepada Allah SWT dengan mentaati segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya.

### **2.3. Proses Pengurusan Program Dakwah**

Proses atau fungsi pengurusan program dakwah pada amnya dapat dibahagikan kepada empat fungsi iaitu perancangan, penyusunan, pengarahan dan pengawalan.<sup>64</sup>

#### **2.3.1 Perancangan**

Perancangan dapat didefinisikan sebagai proses menyatakan dan menjuruskan segala sumber organisasi yang terhad secara optimum untuk mencapai matlamat.<sup>65</sup> Sebelum sebarang program dakwah dijalankan, perancangan hendaklah dibuat terlebih dahulu. Pada peringkat perancangan, perkara yang perlu dipersoalkan adalah seperti berikut:

##### **a. Tujuan dan Objektif Program Dakwah**

Maksudnya ialah mengenal pasti perkara yang ingin dicapai oleh sesebuah organisasi dalam menjalankan program-program dakwah berdasarkan matlamat penubuhan organisasi tersebut dan prestasi yang diinginkan seperti kadar pemahaman yang lebih baik tentang Islam dan peningkatan akhlak Islamik di kalangan kakitangannya.<sup>66</sup>

---

<sup>64</sup> Ideris Endot (2000), Strategi Pengurusan Sumber Manusia dalam Globalisasi Dakwah Mutakhir dalam Abdul Gafhar Don, Berhanundin Abdullah dan Zulkiple Abd. Ghani (2000), *Dakwah dan Pengurusan di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 63-64.

<sup>65</sup> Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*, Kuala Lumpur: Ummah Media Sdn. Bhd., h. 19.

<sup>66</sup> Jaafar Muhammad (1988), *Op.cit.* h. 18.

## **b. Strategi Program Dakwah**

Apabila matlamat dan tujuan telah ditakrifkan dengan jelas, maka perlu dicari jalan (strategi) untuk mencapai matlamat dan tujuan seperti diharapkan itu. Di dalam strategi program, biasanya akan dibincangkan perkara seperti strategi pelaksanaan program yang meliputi masa, tempat dan peserta program.<sup>67</sup>

## **c. Langkah seterusnya, pihak pengurusan harus mengatur program atau projek mengikut strategi yang berasaskan matlamat organisasi.**

Adalah penting bagi pihak pengurusan untuk mengatur program yang sesuai dengan tujuan dan objektif yang telah ditetapkan sehingga strategi yang akan digunakan adalah tepat dan efektif dalam mencapai matlamat organisasi.

### **2.3.2 Penyusunan**

Penyusunan dirumuskan sebagai rangkaian aktiviti menyusun suatu kerangka yang menjadi wadah bagi segenap kegiatan usaha dakwah dengan jalan membahagikan dan mengelompokkan pekerjaan yang harus dilaksanakan serta menetapkan dan menyusun jalinan hubungan kerja antara bahagian-bahagian organisasi atau pekerjanya.<sup>68</sup>

Penyusunan akan memudahkan pelaksanaan rencana program dakwah. Hal ini ialah kerana dengan dibahagikannya kegiatan dakwah dalam tugas yang lebih terperinci serta diserahkan pelaksanaannya kepada beberapa orang, maka akan mencegah terjadinya menumpukan pekerjaan hanya pada diri seorang pelaksana sahaja, di mana apabila hal itu terjadi tentu akan memberatkan dan menyusahkan.

---

<sup>67</sup> James A.F. Stoner and Charles Wankel (1997), *Pengurusan, Edisi ke-3*. Yaakob Ibrahim (terj) cetakan ke-10, Petaling Jaya, h. 110.

<sup>68</sup> The Liang Gie (1972), *Kamus Administrasi*, Jakarta: Gunung Agung, h. 292-293.

Berdasarkan pengertian tentang definisi pengurusan program dakwah sepertimana yang telah dirumuskan, maka penyusunan program dakwah terdiri daripada langkah-langkah seperti berikut:

1. Membahagikan dan mengelompokkan tindakan-tindakan dakwah dalam kesatuan-kesatuan tertentu.
2. Menentukan dan merumuskan tugas dari setiap kesatuan serta menempatkan pelaksana atau dai untuk melaksanakan tugas program tersebut.
3. Memberikan wewenang kepada setiap pelaksana untuk melakukan tugas tersebut.
4. Menetapkan jalinan hubungan antara pelaksana program.

### **2.3.3 Pengarahan**

Pengarahan merupakan fungsi penting untuk menjamin aktiviti program berjalan dengan teratur dan sempurna dalam suasana yang harmoni. Pengarahan adalah penting kerana ianya memberikan pimpinan, arahan, dorongan, semangat serta keyakinan kepada mereka semua yang terlibat dalam pelaksanaan program ke arah pencapaian matlamat. Mereka diarahkan mengandaikan pengarah mereka lebih pandai, lebih tahu, lebih bijaksana dan lebih luas pengetahuan dan pandangannya.<sup>69</sup>

Antara langkah-langkah yang semestinya diambil dalam proses pengarahan ialah:

1. Pemberian motivasi (*motivating*)
2. Pemberian bimbingan (*directing*)
3. Penjalinan hubungan (*coordinating*)

---

<sup>69</sup> Abd. Said, Mansur Ahmad Saman (1996), *Asas Pengurusan Personel*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 4.

4. Penyelenggaraan komunikasi (*communicating*)
5. Pengembangan atau peningkatan pelaksana (*developing people*)

Kesemua langkah tersebut di atas adalah bertujuan untuk memastikan bahawa setiap orang yang terlibat dalam sebarang program dengan tulus ikhlas dan senang hati bersedia melaksanakan segala tugas dakwah yang diserahkan kepada mereka.

Faktor-faktor kemanusiaan seperti pujian, suasana yang menyenangkan dan penempatan yang tepat perlu diambil kira untuk membangkitkan semangat kerja dan pengabdian dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan tugas-tugas dan tanggungjawab dakwah.

#### **2.3.4 Penyelarasan**

Dalam pengurusan program dakwah, penyelarasan adalah bidang tugas penting dan dianggap sebagai inti pati pengurusan, kerana pencapaian keselarasan usaha matlamat adalah tujuan pengurusan. Setiap fungsi pengurusan adalah latihan yang menyumbang ke arah penyelarasan.

Penyelarasan yang baik ialah apabila segala usaha-usaha dapat disusun dan diatur dengan harmoni. Antara cara-cara untuk melakukan penyelarasan itu ialah dengan mengadakan dasar-dasar, peraturan-peraturan dan mewujudkan mekanisme penyelarasan seperti majlis-majlis perbincangan dan pengawasan.<sup>70</sup> Penyelarasan dapat diatur dengan mudah melalui jadual pembahagian tugas.

---

<sup>70</sup> Rozhan Othman, *op.cit.* h. 4.



Kesimpulannya, aktiviti program dakwah yang telah dirancang dan disusun akan lebih mantap melalui penyelarasan kerja dan bidang tugas yang telah diatur.<sup>71</sup> Penyelarasan juga dapat meminimumkan bahkan mengelakkan kemungkinan-kemungkinan buruk yang akan timbul. Justeru, penyelarasan mewujudkan komunikasi yang berkesan di samping dapat menghidupkan suasana bekerja dalam satu pasukan.<sup>72</sup>

### **2.3.5. Pengawalan**

Pengawalan merupakan fungsi terakhir untuk menentukan bahawa matlamat sesuatu program telah dicapai mengikut perancangan dan masalah dalam penyusunan dikenal pasti dan langkah tertentu sudah diambil. Faktor-faktor di dalam organisasi, keinginan dan sifat kakitangan yang ada hubungan dengan prestasi dan tingkah laku perlu diberi perhatian dan diawasi.

Umumnya, peranan utama kawalan adalah untuk mengukur prestasi atau kesan sesuatu program. Pengawasan perlu berkesan kepada:

1. Rancangan yang membolehkan sesuatu objektif itu dicapai.
2. Sentiasa mengukur apa yang telah dicapai.
3. Bandingkan pencapaian sebenar dengan apa yang telah dirancang.
4. Ambil tindakan bagi mengambil kesempatan daripada peluang-peluang yang wujud atau memperbaiki ketersasulan dari rancangan awal.

---

<sup>71</sup> Robert G. Wright (1970), *An Approach to Find Realistic Spans of Management*, Arizona Business Bulletin, November, h. 20-28.

<sup>72</sup> Jhon R.P French and Bertram Raven (1960), *The Bases of Social Power*, Illinois: Row, Peter and Co, h. 607-621.

5. Mengukur kemajuan dan pelaksanaan yang sesuai, juga mengadakan segala rakaman-rakaman terhadap semua pengalaman yang dilalui sebagai satu panduan kepada para pelaksana program di masa hadapan.<sup>73</sup>

## 2.4 Prinsip-prinsip pengurusan program dakwah

### 2.4.1 *Syūra*

Kata musyawarah adalah bentuk masdar dari kata kerja *syāwara* yang dari segi jenisnya termasuk kata kerja *mufā'alah* (perbuatan yang dilakukan timbal balik), maka musyawarah haruslah bersifat dialog, bukan mono logis.<sup>74</sup> Semua anggota musyawarah bebas mengemukakan pendapatnya. Dengan kebebasan berdialog itulah diharapkan dapat diketahui kelemahan pendapat yang dikemukakan, sehingga keputusan yang dihasilkan tidak lagi mengandung kelemahan.

Musyawarah atau *syūra* adalah sesuatu yang sangat penting bagi menciptakan hubungan kemanusiaan (*hablun min al-nās*)<sup>75</sup> yang baik dan peraturan di dalam masyarakat dan lebih lagi dalam sesebuah organisasi. Bukti yang menunjukkan betapa pentingnya *syūra* ialah ayat yang diturunkan berkaitan dengan *syūra* dihubungkan dengan kewajiban solat dan menjauhi perbuatan keji. Allah S.W.T berfirman dalam al-Qurān:

وَالَّذِينَ تَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ وَإِذَا مَا غَضِبُوا هُمْ يَغْفِرُونَ

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ

وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

<sup>73</sup> Drs. A. Rosyad, *op.cit.* h. 158.

<sup>74</sup> Said Hawa *et al.* (1984), *Syūra dalam Islam*, Syarikat Sabra, h. 35.

<sup>75</sup> Mohd. Shahr Sidek (1997), "Pelaksanaan *Syūra* dalam Konteks Organisasi ke Arah Mencapai Al-Falah" dalam *Buletin Pengurusan Islam*, jilid 4, bil. 1, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara, h. 8.

*“Dan juga orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji; dan apabila mereka marah (disebabkan perbuatan yang tidak patut terhadap mereka), mereka memaafkannya; Dan juga orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepada mereka”.*

Surah al-Syūra (42): 37-38

Dalam ayat di atas, *syūra* atau musyawarah sebagai sifat ketiga bagi masyarakat Islam dituturkan sesudah iman dan solat. Hal ini memberi pengertian bahawa musyawarah mempunyai martabat sesudah ibadah terpenting, iaitu solat, sekali gus memberikan pengertian bahawa musyawarah merupakan salah satu ibadah yang tingkatannya sama dengan solat dan zakat. Maka, masyarakat yang mengabaikannya dianggap sebagai masyarakat yang tidak menetapi salah satu ibadah terpenting dalam Islam.

Musyawarah adalah hak umat dan kewajiban imam atau pemimpin. Dalilnya, adalah firman Allah SWT yang memerintahkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk bermusyawarah dengan para sahabat. Firman Allah SWT:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ<sup>ط</sup> وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَأَنفَضُوا<sup>ط</sup>  
مِّنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ<sup>ط</sup> وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ<sup>ط</sup> وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ<sup>ط</sup> فَإِذَا عَزَمْتَ<sup>ط</sup>  
فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ<sup>ج</sup> إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

*“Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampunan bagi mereka dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian*

*apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakal kepadaNya.”*

Surah Ali ‘Imrān ( 3): 159

Bahkan Rasulullah SAW yang memiliki kedudukan yang sangat mulia itu banyak melakukan musyawarah dengan para sahabat beliau seperti tatkala mencari posisi yang strategik dalam perang Badar, juga sebelum perang Uhud untuk menentukan apakah akan bertahan di dalam kota atau di luar kota Madinah, kemudian rencana Nabi untuk berdamai dengan panglima perang Ghathafan dalam perang Khandaq dan pada banyak kesempatan lainnya.

Memang, musyawarah sangat diperlukan untuk mengambil keputusan yang terbaik di samping untuk memperkuat persatuan dan rasa tanggungjawab bersama.<sup>76</sup> Alī ibn Abī Thālib menyebutkan bahawa dalam musyawarah terdapat enam hal penting iaitu mengambil kesimpulan yang benar, mencari pendapat, menjaga kekeliruan, menghindarkan celaan, menciptakan kestabilan emosi dan kesepaduan hati.

#### **2.4.2 Kerjasama**

Kejayaan sesuatu program bukanlah terletak pada hebatnya seorang pengurus dalam mengatur setiap program yang dijalankan. Namun, kejayaan sebenar itu ialah ketika satu pasukan berjaya bekerjasama dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Semakin tinggi tahap kerjasama dalam sesebuah organisasi dalam menjalankan sesuatu program, maka semakin tinggi dan besar peluang program itu akan berjaya. Sebaliknya,

---

<sup>76</sup> Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia & Universiti Sains Malaysia (2002), “*Laporan Akhir Kajian Menjadikan Masjid Putrajaya Sebagai Masjid Model Negara*”, t.p, h. 101.

jika kerjasama kurang terjalin, maka ianya akan mempengaruhi dan menurunkan tahap pencapaian matlamat sesebuah program itu.<sup>77</sup>

### 2.4.3. Profesionalisme

Antara ciri-ciri profesionalisme dalam pengurusan program dakwah ialah seperti berikut:

- a. Kejujuran Intelektual.<sup>78</sup> Maksudnya adalah jujur dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab pengurusan program dakwah berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah digariskan dan bersumberkan al-Qurān dan al-Sunnah serta berteraskan akidah, syarak dan akhlak serta melaksanakannya dengan ikhlas.
- b. Berkecuali. Maksudnya tidak memihak mana-mana individu atau kumpulan dan bersedia serta berusaha melaksanakan semua dasar, program dan aktiviti yang dirancang oleh organisasi.
- c. Kepimpinan. Kepimpinan yang baik dan berkesan bukan kerana kuasa yang banyak tetapi keupayaan memimpin, mendorong, merangsang, membangun dan menggembleng tenaga kerja, kepakaran dan peralatan yang ada untuk mencapai matlamat organisasi.<sup>79</sup>
- d. Kreativiti dan Organisasi. Profesionalisme dalam pengurusan program dakwah menggalakkan penyertaan setiap kakitangan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan lebih gigih dan berdedikasi. Semangat yang begini dapat menyelesaikan setiap masalah yang timbul dan dapat mengurangkan masalah dari dalam organisasi. Selagi tidak bertentangan dengan akidah, syarak dan

---

<sup>77</sup> Akademi Pengurusan YPEIM (2005), *Pengurusan Dalam Islam: Menghayati Prinsip dan Nilai Qur'ani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM Sdn. Bhd, h. 102-104.

<sup>78</sup> Elkins. A (1980), *Management: Structure, Functions and Practices*, Massachussets: Addison-Wesley Publishing, h. 221.

<sup>79</sup> Ahmad Ibrahim Abu Sin (1984), *Pengurusan dalam Islam*. Abd Rashid Ngah dan Jusoh Kadir (terj.), c. 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 176-178.

akhlak terutama dari segi sistem, prosedur, teknikal dan sebagainya, terus digalakkan.

- e. Pengurusan Diri. Imej seorang dai sebagai penggerak dakwah dan kebajikan ditentukan oleh cara mereka menguruskan diri dari segi berpakaian, bertutur, gerak geri, sopan santun, budi bahasa, kecergasan dan keterampilan. Semua unsur ini harus diberi perhatian agar mendapat keyakinan dan kepercayaan dari masyarakat.
- f. Bertanggungjawab. Maksudnya ialah bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan dan memastikan tercapainya objektif serta matlamat tugas tersebut, melaksanakan tugas mengikut peraturan, undang-undang, prosedur dan arahan yang diberikan.<sup>80</sup>
- g. Pengurusan Masa. Pengurusan masa yang baik dan berkesan adalah asas yang baik dalam pembentukan sikap yang positif di kalangan orang-orang yang terlibat secara langsung dalam sebarang program dakwah agar dapat membantu menyempurnakan kerja dengan cepat dan menepati masa yang ditetapkan. Ini dapat mengelakkan tekanan kerja sekali gus meningkatkan produktiviti dan kualiti.

Kesimpulannya, profesionalisme dalam pengurusan program dakwah disempurnakan dengan kejujuran intelektualisme, berkecuali, ikhlas, kepimpinan, bekerjasama, kreatif, inovatif, utamakan pelanggan, pengurusan diri, bertanggungjawab, kecekapan menguruskan masa dan membuat keputusan yang tepat dan berkesan yang bersumberkan al-Qurān dan al-Sunnah serta berteraskan akidah, syarak dan akhlak.

---

<sup>80</sup> Muhammad ‘Abd. Allah al-Buraey (1985), *Administrative Development: An Islamic Perspective*, London: Kegan Paul, h. 117.

### 2.4.3 Keadilan

Keadilan dalam Islam tidak terbatas hanya pada soal pemerintahan, kehakiman dan hukum-hakam semata-mata. Ia sebenarnya mencakupi keseluruhan sudut kehidupan manusia tanpa sebarang pengecualian. Keadilan sering kali dikaitkan dengan pembahagian yang sama rata. Tetapi Islam memandang keadilan bukan dari sudut pembahagian yang sama rata, kerana hal tersebut justeru hanya akan menyebabkan ada pihak yang dizalimi kerana tidak mendapat haknya ataupun mendapat sesuatu yang bukan haknya. Bukti keadilan jelas terpampang dalam al-Qurān dan al-Sunnah yang sepatutnya menjadi rujukan manusia. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا  
يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ۗ اعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ  
لِلتَّقْوَىٰ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan, hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa, dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”*

Surah al-Maidah (5): 8

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas, keadilan pada umumnya adalah tentang;

- a. Pengetahuan dan kebolehan untuk menempatkan yang betul dan wajar bagi sesuatu benda atau manusia,
- b. Kebenaran yang menentang kesalahan,

- c. Cara atau batasan,
- d. Keuntungan kerohanian terhadap kerugian, dan
- e. Kebenaran terhadap kepalsuan.<sup>81</sup>

Berdasarkan penjelasan ini, keadilan bererti meletakkan sesuatu sesuai pada tempatnya. Dalam agama Islam, sifat adil adalah amat hampir dengan sifat takwa. Ini dibuktikan daripada petikan ayat yang dinyatakan di atas iaitu;

أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ۚ

*“...hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa, dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”*

Surah Al-Māidah (5):8

Oleh sebab itu, keadilan bukanlah bererti ianya sama rata, sama banyak atau sama bahagian yang diperolehi. Yusuf al-Qaradawi menegaskan perkara ini dengan menyatakan bahawa sesuatu yang baik untuk seseorang individu tidak semestinya sesuai atas orang lain.<sup>82</sup>

#### **2.4.5 Kebebasan**

Sesungguhnya kebebasan yang diseru oleh Islam merupakan kebebasan hakiki dan bijaksana, yang memelihara kemaslahatan individu dan memenuhi aspirasi serta kecenderungannya dan ia dilihat berdasarkan kepentingan masyarakat serta umat. Meskipun kebebasan dalam Islam terbatas, tetapi batasan-batasannya berperanan dalam mengukuhkan serta memeliharanya. Dalam Islam, kebebasan asas yang dijamin ialah

<sup>81</sup> Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1992), *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*. Penterjemah. Samsudin Jaapar. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur, h. 54.

<sup>82</sup> Yusuf Al-Qaradawi (2003), *Sunnah: Sumber Ilmu dan Peradaban*. Penterjemah. Muhammad Firdaus. International Islamic Thought Malaysia. Selangor, h. 45.



kebebasan beriktikad. Islam melarang paksaan ke atas seseorang untuk menganut Islam.

Firman Allah SWT dalam al-Qurān:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ

وَيُؤْمِرْ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ



*Tiada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.*

Surah al-Baqarah (2): 256

Perbezaan dalam kebebasan berfikir dan kajian ilmiah tidak merosakkan perasaan saling mencintai. Dalam Islam juga wujud kebebasan bersuara, mengkritik dan menyampaikan pendapat. Islam mengiktiraf semuanya jika ia berkaitan dengan maslahat umat, akhlak, etika umum, amar makruf dan nahi munkar serta dalam rangka menyampaikan nasihat. ‘Umar ibn al-Khattāb RA menegaskan dalam kata-katanya yang masyhur, “Tiada kebaikan pada kamu jika kamu tidak mengucapkannya dan tiada kebaikan pada kami jika kami tidak mahu mendengarnya.”

#### **2.4.6 Persamaan hak**

Persamaan hak dalam Islam termaktub secara jelas untuk kepentingan manusia melalui syariat Islam yang diturunkan melalui wahyu. Menurut syariat, manusia adalah makhluk bebas yang mempunyai tugas dan tanggungjawab, dan kerananya ia juga mempunyai

hak dan kebebasan. Dasarnya ialah keadilan yang ditegakkan di atas prinsip persamaan atau *egaliter* dan tanpa pilih kasih. Artinya, tugas yang dipikul tidak akan terwujud tanpa adanya kebebasan, sementara kebebasan secara eksistensinya tidak terwujud tanpa adanya tanggungjawab itu sendiri.<sup>83</sup>

Sistem persamaan hak dalam Islam mengandung prinsip-prinsip tentang persamaan, kebebasan, dan penghormatan terhadap sesama manusia.<sup>84</sup> Persamaan artinya, Islam memandang semua manusia sama dan mempunyai kedudukan yang sama, satu-satunya keunggulan yang dinikmati oleh seorang manusia atas manusia lainnya hanya ditentukan oleh tingkat ketakwaannya. Hal ini sesuai dengan firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ  
لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

*“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).*

Surah al-Hujurat (49) :13

Pada dasarnya persamaan hak dalam Islam terpusat pada lima hal pokok yang terangkum dalam *al-Ḍorūriyyāt al-Khamsu* atau yang disebut juga *al-Huqūq al-Insāniyyah fi al-Islām* (hak-hak asasi manusia dalam Islam). Konsep ini mengandung lima hal pokok yang harus dijaga oleh setiap individu, yaitu *hifzu al-Dīn* (penghormatan

<sup>83</sup> M. Luqman Hakim (1993), *Deklarasi Islam Tentang HAM*, Risalah Gusti, Surabaya, hal. 12.

<sup>84</sup> Harun Nasution dan Bahtsir Effendi (1987), *Hak Asasi Manusia Dalam Islam*, Yayasan Obor Indonesia, Jakarta, h. 124

atas kebebasan beragama), *hifzu al-Māl* (penghormatan atas harta benda), *hifzu al-Nafsi wa al-'Irdh* (penghormatan atas jiwa, hak hidup dan kehormatan individu), *hifzu al-'Aql* (penghormatan atas kebebasan berfikir) dan *hifzu al-Nasl* (keharusan untuk menjaga keturunan). Kelima hal pokok inilah yang harus dijaga oleh setiap umat Islam supaya menghasilkan bentuk kehidupan yang lebih manusiawi, berdasarkan kepada penghormatan individu atas individu, individu dengan masyarakat, masyarakat dengan masyarakat, masyarakat dengan negara dan komuniti agama dengan komuniti agama lainnya.

#### **2.4.7 Kebebasan mengkritik**

Prinsip ini memberi kebebasan kepada orang-orang bawahan untuk mengkritik orang-orang atasan apabila berlakunya penyelewengan atau ketidakpuasan para pekerja. Hak ini menentukan batas ketaatan kepada seseorang ketua atau pemerintah. Apatah lagi jika hal itu berkaitan dengan pelanggaran hukum-hukum Allah SWT, sebab tiada ketaatan kepada makhluk dalam perkara-perkara yang berunsur maksiat kepada Khalik.

Dalam hal ini, Hashim Kamali di dalam bukunya "*Freedom of Expression in Islam*" menolak pemikiran orientalis yang mengatakan bahawa Islam hanyalah agama yang mementingkan perihal ritual ibadah sahaja. Malah, katanya, terdapat banyak hak-hak asasi manusia yang dipandang tinggi dalam Islam. Menurut pendapat Hashim Kamali, hak bersuara boleh dimanifestasikan dalam beberapa keadaan. Pertama, hak untuk memberi nasihat kepada orang yang melakukan kesalahan (*Nasīhah*). Kedua, hak untuk berunding dan bermesyuarat (*Syūrah*). Ketiga, hak untuk membuat ijtihad. Keempat, hak untuk mengkritik orang lain (*Hurīyyah al Mu'āradah*). Kelima, kebebasan pendapat (*Hurrīyyah al-Ra'y*). Keenam, kebebasan untuk berpersatuan dan ketujuh kebebasan

beragama (*al-Hurrīyyah al-Dīniyyah*). Kesemua hak ini adalah bersandarkan kepada nas-nas Al-Qurān yang *sārih* (nyata).<sup>85</sup>

## 2.5 Kepentingan Pengurusan Program Dakwah

Pengurusan merupakan satu bidang kepakaran yang penting dalam kehidupan manusia dan ianya tidak dapat dipisahkan dengan urusan kehidupan selagi mana manusia mempunyai kemahuan dan kehendak untuk menghasilkan sesuatu.

Secara umumnya, Islam melihat pengurusan sebagai amalan yang melibatkan segala usaha yang bertujuan untuk melaksanakan sesuatu bagi menghasilkan kebaikan (*al-masālih*).<sup>86</sup> Kebaikan dan maslahat yang dihasilkan dan dicapai melalui amalan pengurusan Islam adalah bertepatan dengan objektif syariat (*maqāsid syarī'ah*) iaitu untuk menghasilkan kebaikan kepada manusia dengan melakukan usaha-usaha yang boleh memberikan manfaat dan menghalang dari segala kerosakan.<sup>87</sup>

Dalam konteks dakwah yang merupakan usaha membawa orang lain kepada agama Islam supaya mengikuti petunjuk agama ini; juga melaksanakan segala ketetapanNya di muka bumi; mengkhususkan segala bentuk penghambaan diri dan permohonan serta taat kepada Allah sahaja; melepaskan diri daripada segala kongkongan yang bukan daripada Allah yang terpaksa dipatuhi; memberi hak kepada orang yang ditentukan oleh Allah, menafikan hak ke atas orang yang dinafikan oleh Allah; menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dan berjihad pada jalanNya.<sup>88</sup> Maka, perlu adanya satu sistem pengurusan yang komprehensif, bersepadu, praktikal, fleksibel,

---

<sup>85</sup> Tan Sri Datuk Harun Mahmud Hashim, Naib Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) dalam kertas kerja yang dibentangkan di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

<sup>86</sup> A. Rahim Ibrahim (2000), *Pengenalan kepada Pengurusan Islam* (Model Kursus Prinsip Pengurusan Islam, Sekolah Pengajian Islam, Kolej Islam Melaka), h.2.

<sup>87</sup> Abdul Karim Zaidan (1991), *al-Madkhal ilā Dirāsāt al-Syar'īyyāt al-Islāmiyyah*. Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 170.

<sup>88</sup> Dr. Yusuf al-Qaradawi (1978), *Thaqāfah al-Dā'iyah*, Beirut: h. 5

profesional dan terancang dengan baik untuk mewujudkan matlamat daripada dakwah tersebut.

Pengurusan yang dimaksudkan hendaklah mampu menentukan matlamat dakwah yang sebenar, menentukan objektif yang harus dicapai supaya matlamat umumnya dapat diperoleh, menentukan wujudnya suatu struktur pengurusan yang mampu mengelola, merancang matlamat, objektif, strategi dan program yang wajar dilaksanakan, mengawal dan melaksanakan segala tugas yang telah ditentukan, mengenal pasti segala masalah serta strategi pelaksanaannya dan membiayai segala program yang dirancang.

Aktiviti dakwah ternyata tidak cukup hanya dengan memiliki kesolehan dan keikhlasan bagi para aktivisnya, tetapi juga diperlukan kemampuan pendukung berbentuk kemampuan pengurusan. Di sinilah perlunya pengurusan dalam dakwah, iaitu kemampuan untuk mengumpulkan dan mengelola seluruh potensi dakwah (internal dan eksternal), mengolahnya, dan menggunakannya sebagai kekuatan dalam menjalankan program-program dakwah.

Ada sejumlah alasan mengapa pengurusan dakwah diperlukan dalam melaksanakan program-program dakwah:<sup>89</sup>

1. Banyaknya komponen dalam aktiviti dakwah yang harus disatukan menjadi satu gerakan yang harmoni dan sinergi.
2. Dakwah merupakan aktiviti yang memerlukan masa yang sangat panjang. Maka, secara *sunatullāh* memerlukan rancangan tahapan aktiviti dan pencapaian yang berstruktur dan terancang dengan baik.
3. Dengan adanya pengurusan program dakwah, ianya akan memperkecilkan impak kejutan-kejutan yang boleh mengganggu perjalanan dakwah.

---

<sup>89</sup> Drs. Rosyad Shaleh (1977), *Managemen Dakwah*, Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, h. 58

4. Ketika Allah SWT dan Rasul-Nya menuntut pelaksanaan suatu aktiviti, bererti Allah SWT dan Rasul-Nya menuntut kita untuk berusaha melaksanakan aktiviti itu dengan memperhatikan hal-hal yang boleh menyebabkan pada terwujudnya aktiviti tersebut. Firman Allah SWT:

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ

عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۗ وَمَا

تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تَظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾

*“Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya”.*

Surah al-Anfāl (8): 60

Juga kisah seseorang yang berkata kepada Nabi SAW dalam sebuah hadis;

عن أنس بن مالك قال: قال رجل يا رسول الله: أعقلها وأتوكل أو أطلقها وأتوكل قال:

اعقلها وتوكل .

*Daripada Anas ibn Mālik RA berkata “Seorang lelaki berkata kepada Rasulullah SAW “Aku ikat unta aku dan aku bertawakal, atau aku lepaskan dan aku bertawakal” Nabi SAW bersabda, “Ikatlah unta kamu kemudian bertawakallah kepada Allah”.*<sup>90</sup>

## **2.6. Penutup**

Proses dakwah yang aktiviti­nya meliputi segenap segi bidang kehidupan ditambah dengan kompleksnya persoalan-persoalan yang dihadapi akan dapat berjalan secara efektif apabila dalam melaksanakannya sentiasa menggunakan dan memanfaatkan prinsip-prinsip yang dikemukakan dalam ilmu pengurusan.

Dalam melaksanakan prinsip-prinsip pengurusan untuk proses dakwah, meskipun pendekatan telah dilakukan dari sudut pandang ilmu pengurusan, namun haruslah tetap berlandaskan pada prinsip-prinsip dakwah. Sesuai dengan ajaran yang didakwahkan dan contoh teladan yang diberikan oleh Rasulullah SAW, dakwah mempunyai karakter atau watak tersendiri.

Pengurusan dakwah merupakan sebuah sarana yang boleh memberikan pelbagai kemudahan sehingga dakwah menjadi lebih dinamik, cepat dalam merespon namun terencana dan berstruktur, dilaksanakan oleh sumber manusia yang tepat, dan memberikan dampak yang besar terhadap organisasi dan lingkungan. Melihat kepada hasil yang boleh dicapai melalui pengurusan dakwah ini, maka adalah mustahak dan perlu dipelajari oleh setiap juru dakwah.

---

<sup>90</sup> Abū Īsa Muhammad b. Īsa b. Sūrah b. Mūsa al-Tirmidhī (2000), *Jāmī al-Tirmidhī*, “Bā al-Zuhd”, no. hadis 2517, Riyadh: Dār al-Salām, h. 1905.

**BAB III**  
**INTEGRATED ISLAMIC SCHOOL**  
**KOTA DAMANSARA SELANGOR**

**3.1. Pendahuluan**

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang sebuah sekolah Islam swasta yang bernama Integrated Islamic School Kota Damansara Selangor yang selanjutnya akan dikenali sebagai IISKD.

IISKD ialah tempat di mana kajian ini dilakukan. Maklumat tentang sekolah ini telah pengkaji peroleh dengan melakukan pemerhatian dan mengunjungi langsung sekolah tersebut, di samping melalui laman web sekolah, buku panduan sekolah, hasil perbualan dengan beberapa kakitangan dan juga hasil temu bual pengkaji dengan pemilik sekolah. Bahasan selanjutnya diharapkan mampu memberikan gambaran yang lebih jelas tentang IISKD.

**3.2. Profail IISKD**

Integrated Islamic School Kota Damansara adalah sebuah institusi pendidikan dakwah yang ditubuhkan pada tahun 2004. Penubuhan institusi ini adalah hasil daripada inisiatif Encik Zubir bin Ismail dan Puan Harlina yang merupakan pengasas kepada institusi ini.

Sekolah ini dimiliki oleh Syarikat Aspirasi Padu Sdn. Bhd. Ianya juga merupakan afiliasi dari Sekolah Islam Adni, Ulu Kelang, Selangor. Justeru, sistem, silibus, kurikulum dan buku-buku yang digunakan adalah sama dengan yang digunakan di Sekolah Islam Adni. Hanya pemilikan dan pengurusan sekolah sahaja yang berbeza.



Sekolah ini dinamakan dengan Integrated Islamic School kerana ianya melaksanakan kurikulum bersepadu antara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan kurikulum lokal sekolah yang berteraskan agama seperti akidah, fiqah, al-Qurān, hadis, akhlak dan sirah di samping tilawah dan hafalan al-Qurān. Selain itu, bahasa pengantar yang digunakan di sekolah ini ialah Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab tanpa mengabaikan penggunaan Bahasa Melayu.

Sekolah ini tidak memiliki nama khusus sebagaimana lazimnya sekolah Islam lainnya kerana pihak pengurusan tidak ingin menonjolkan sisi jenama tapi lebih kepada Islam itu sendiri. Semua yang terlibat dalam pengurusan sekolah mempunyai komitmen untuk memberikan perhatian dan usaha yang maksima terhadap setiap individu dalam sekolah ini secara menyeluruh.

Oleh itu, semua program sekolah direka bentuk secara khas supaya semua pelajar bahkan guru-guru dan kakitangan mengetahui dan memahami potensi diri masing-masing dan menggunakannya untuk memainkan peranan di dalam masyarakat sesuai dengan potensi yang mereka miliki. Hal ini adalah perlu kerana masing-masing kita diberi kelebihan oleh Allah SWT dan dengan kelebihan dan potensi yang beragam tersebut, banyak perkara-perkara positif yang boleh diberikan dan disumbangkan kepada umat ini untuk kemaslahatan bersama.

Keadaan dan latar belakang pelajar yang berbeza diambil kira sebagai suatu bahagian daripada proses tarbiah yang diharapkan mampu mewujudkan suatu sistem yang boleh diguna pakai oleh setiap pelajar sesuai dengan peringkat umur mereka.

### **3.3. Visi**

Matlamat penubuhan Integrated Islamic School Kota Damansara adalah untuk melahirkan generasi Islam yang berteraskan al-Qur'ān dan al-Sunnah. Dengan kata lain, pendekatan yang dilaksanakan adalah pendekatan holistik dan menyeluruh yang meliputi aspek jasmani, rohani, emosi, intelektual, spiritual dan sosial. Pendekatan yang seimbang ini diperhalusi dengan metode belajar secara sukarela di mana suasana belajar di kondisikan senyaman mungkin sehingga para pelajar termotivasi untuk belajar tanpa adanya tekanan dan paksaan daripada guru-guru. Di samping itu sistem integrasi ini juga menyediakan pendidikan Islam yang berkualiti bermula dari tingkat pra sekolah sehingga tahap yang lebih tinggi di mana ketika ini IISKD telah memiliki pelajar hingga tingkatan empat yang merupakan tahun akhir bagi proses pendidikan di institusi ini.

IISKD berazam untuk menyediakan pendidikan awal bagi kanak-kanak Islam, mendedahkan mereka kepada sistem dan nilai-nilai Islam seawal mungkin kerana hal itu akan lebih berkesan bagi perkembangan keperibadian mereka di masa hadapan.

### **3.4. Misi**

- 3.4.1. Menyediakan program pendidikan dengan sistem integrasi, sesuai untuk perkembangan anak sejak awal yang bermula daripada peringkat sebelum sekolah hingga ke peringkat yang lebih tinggi untuk membentuk generasi Muslim yang mengamalkan Islam secara menyeluruh dalam kehidupan mereka.
- 3.4.2. Menyediakan tempat dan masa yang lebih luas untuk pertumbuhan dan perkembangan potensi diri yang maksima dan membimbing generasi muda Islam untuk menjadi umat yang terbaik.

### **3.5. Aktiviti Dakwah**

Aktiviti dakwah sekolah terhadap pelajar dilaksanakan secara langsung seperti di bilik-bilik darjah melalui mata pelajaran teras dan wajib mahupun yang berteraskan agama. Ia juga dilaksanakan secara tidak langsung seperti di luar bilik-bilik darjah melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan di perhimpunan pagi, solat sunat dhuha, solat fardu, qiamullail, serta melalui program-program lain yang dianjurkan oleh pihak sekolah termasuklah kegiatan ko-kurikulum seperti menunggang kuda, berenang, memanah, karate, futsal, latihan pidato dan berdebat.

Selain para pelajar, dakwah di sekolah ini turut melibatkan guru dan kakitangan sekolah melalui aktiviti usrah yang dijalankan di luar waktu kelas. Ada kalanya dakwah sekolah juga diserapkan kepada ibu bapa atau penjaga melalui perjumpaan antara pihak sekolah dengan mereka secara berkelompok dan berkala.

### **3.6. Pentadbiran**

Sebagai institusi pendidikan yang stabil, sekolah ini memiliki carta organisasi tersendiri. Carta inilah yang menjadi panduan dalam pentadbiran sekolah di dalam menjalankan program harian berupa kegiatan belajar dan mengajar harian, mingguan, bulanan dan tahunan. Dalam susunan carta tersebut, kedudukan tertinggi adalah *Board of Governors* (badan pengarah) atau biasa disingkatkan dengan BOG yang bertanggungjawab penuh terhadap jalannya proses pendidikan dan dakwah di sekolah. Adapun Aspirasi Padu Sdn Bhd sebagai pemilik syarikat bertindak sebagai sumber belanjawan dan badan pemantau kualiti pendidikan.

Sekolah ini berlokasi di PJU5/15 No.23 Dataran Sunway, Kota Damansara, Petaling Jaya, 47810, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Pengurusan sekolah selalu bersikap

terbuka dan bersedia menerima pandangan dan kritikan dari mana-mana pihak terutama yang berkaitan dengan proses dan sistem pendidikan untuk perubahan yang lebih baik pada masa hadapan.

BOG adalah sekumpulan pakar yang bertindak sebagai pengawas terhadap jalannya proses pendidikan di sekolah ini. Segala keputusan yang berkaitan dengan polisi sekolah diputuskan oleh badan ini dengan mengambil kira pendapat dan pandangan daripada guru-guru, kakitangan serta ketua-ketua bahagian/unit.

Untuk memastikan semua program yang telah ditetapkan berjalan dengan baik, maka pemantauan melalui kamera litar tersembunyi atau CCTV sangat membantu proses pengawasan ini. Jika ada sebarang masalah yang muncul dan tidak berjalan sepertimana mestinya maka BOG akan memanggil guru berkenaan untuk diminta penjelasan. Penggunaan CCTV ini juga sangat membantu dalam pelaksanaan disiplin sama ada di kalangan pelajar, guru mahupun kakitangan. Semua pihak yang terlibat dalam proses pendidikan di sekolah ini akan lebih berhati-hati dalam setiap tindakan mereka sebab segala gerak geri adalah dirakam.

Pihak BOG mempunyai autoriti untuk memberhentikan atau mengehadkan kontrak guru-guru jika mereka melihat hal itu perlu dilakukan demi terjaganya mutu dan kualiti pendidikan di IISKD. Untuk memastikan mutu dan kualiti pendidikan sekolah terjaga, maka BOG menerapkan proses pemilihan dan rekrut guru yang sangat ketat. Hanya guru-guru yang memenuhi piawaian standard yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan sekolah sahaja yang diterima untuk berjuang bersama dalam proses pendidikan di IISKD

### **3.7. Belanjawan**

Semua aktiviti sekolah ini dibiayai daripada sumber belanjawan utama dan sumber belanjawan sampingan. Sumber belanjawan yang utama ialah daripada Syarikat Aspirasi Padu Sdn Bhd di mana syarikat inilah yang menyediakan dan merancang perkara-perkara yang berkaitan dengan belanjawan dan pembangunan infrastruktur sekolah. Perkara ini akan memudahkan pihak pengurusan sekolah untuk lebih fokus menjalankan pendidikan dan dakwah tanpa harus memikirkan masalah belanjawan. Adapun sumber belanjawan sampingan adalah yuran sekolah yang dibayar oleh pelajar.

### **3.8. Sasaran**

Sekolah yang ditubuhkan ini memainkan peranan yang penting dalam proses pembangunan dan pendidikan generasi muda umat yang kuat yang berteraskan kepada nilai-nilai dan identiti Islam sebenar untuk menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan. Sekolah ini bukanlah untuk tujuan komersial, namun ianya ialah '*non-profit entity*' atau entiti non komersial di mana matlamatnya ialah menyediakan pendidikan yang menyeluruh, berkualiti serta boleh dijangkau oleh seluruh lapisan masyarakat tanpa mengenal status sosial, warna kulit, bangsa dan negara.

### **3.9. Program Sekolah**

Sejak awal berdirinya, IISKD mempunyai komitmen untuk menjalankan pendidikan berdasarkan kepada al-Qurān dan al-Sunnah. Semua aktiviti sekolah dikategorikan sebagai aktiviti dakwah. Ini kerana semua program yang dirancang di sekolah termasuk aktiviti akademik adalah untuk membawa pelajar lebih dekat kepada Allah SWT melalui proses belajar dan mengajar. Oleh itu, semua program sentiasa dipastikan tidak bercanggah dengan nilai-nilai dan ajaran al-Qurān dan al-Sunnah.

Program-program yang dijalankan dibagikan kepada dua kelompok. Kelompok pertama ialah program yang dirancang khas untuk pelajar, dan kelompok kedua ialah program untuk guru-guru dan kakitangan. Sebagai penyokong kepada program utama sekolah iaitu belajar dan mengajar yang sentiasa mengintegrasikan setiap subjek yang diajar dengan nilai Islam, maka pihak sekolah merancang beberapa program lain yang diharapkan mampu memberikan nilai tambah kepada pelajar dan menyumbang kepada pembentukan karakter mereka sehingga memiliki keperibadian yang unggul dan mampu menjadi ikutan di tengah-tengah masyarakat kelak. Program-program tersebut dikelompokkan kepada program harian, mingguan, bulanan dan tahunan.

### **3.9.1. Program Harian**

#### **3.9.1.1. Tilawah dan Hafalan al-Qurān**

Suara pertama yang didengar oleh setiap pelajar, guru dan kakitangan IISKD yang datang ke sekolah ialah ayat-ayat al-Qurān yang dilantunkan daripada pemain cakera padat. Suasana al-Qurān yang diwujudkan dalam sekolah adalah bertujuan untuk menimbulkan minat dan cinta terhadap al-Qurān.

Di antara karakter al-Qurān adalah ianya merupakan kitab suci yang dimudahkan untuk dihafal dan diulang-ulang, dan ianya juga dimudahkan untuk diingat dan difahami.

Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧﴾

*“Dan sesungguhnya telah Kami mudahkan al- Qurān untuk pelajaran, maka adakah orang yang mengambil pelajaran?”.*

Surah al-Qamar (54): 17

Kerana dalam lafaz-lafaz al-Qurān, redaksi-redaksinya, dan ayat-ayatnya mengandung keindahan, kenikmatan dan kemudahan, sehingga mudah untuk dihafal bagi orang yang ingin menghafalnya, menyimpan dalam hatinya, dan menjadikan hatinya sebagai tempat al-Qurān. Program ini dijalankan berdasarkan galakan daripada hadis Rasulullah SAW:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ.

*“Sebaik-baik kamu adalah orang yang belajar al-Qurān dan mengajarkannya.”<sup>91</sup>*

Juga disebutkan dalam hadis Rasulullah SAW yang lain:

الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ . وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ وَهُوَ

*“Orang yang ahli (mahir) dalam al-Qurān akan bersama dengan para malaikat yang mulia lagi benar. Orang yang terbata-bata (merangkak-rangkak) dalam membaca al-Qurān dan dia bersusah payah mempelajarinya, untuknya pahala dua kali lipat.”<sup>92</sup>*

Tiga hari dalam seminggu adalah waktu yang diberikan bagi pelajar untuk tilawah dan hafalan al-Qurān. Setiap guru bertanggung jawab ke atas sejumlah pelajar yang dibahagikan kepada kelompok-kelompok atau kelas-kelas dan membimbing mereka dalam membaca dan menghafal al-Qurān. Adapun sasaran tilawah setiap hari adalah satu juzuk.

---

<sup>91</sup> Abu Īsa Muhammad b. Īsa b. Sūrah b. Mūsa al-Tirmidhī (2000), *Jāmi' al-Tirmidhī*, “*Abwāb Faqāili al-Qurān*”, no. hadis 2907, Riyadh: Dār al-Salām, h. 1943.

<sup>92</sup> *Ibid.*

Kurikulum yang telah dirancang pihak sekolah memungkinkan pelajar menghafal al-Qurān sedikitnya satu juzuk setiap tahunnya. Bagi pelajar yang memiliki kebolehan lebih dalam menghafal, maka diadakan kelas khusus atau program tahfiz untuk mempercepatkan peningkatan hafalan mereka. Dalam setiap semester, diadakan khatam al-Qurān bagi kumpulan-kumpulan atau kelas-kelas yang telah menamatkan tilawah dan hafalan mereka.

### 3.9.1.2. Murāja'ah Hafalan al-Qurān

Program *murāja'ah* atau ulang kaji hafalan al-Qurān ini dilaksanakan dengan tujuan supaya ayat-ayat atau surah-surah yang telah dihafal berkekalan dalam minda pelajar dan tidak hilang begitu sahaja. Program ini dilaksanakan sebelum solat sunat Dhuha dan sebelum solat fardu Zuhur yang dilakukan secara berkumpulan menurut kelompok dan kelas masing-masing.

Dengan mengadakannya secara berkumpulan akan memudahkan pelajar yang lupa untuk kembali mengingat hafalannya dan termotivasi untuk selalu mengulang kaji hafalan mereka dari semasa ke semasa. Pelajar juga selalu diingatkan akan hadis Rasulullah SAW tentang bahaya melupakan al-Qurān sesudah dihafal. Sabda Rasulullah SAW:

عُرِضَتْ عَلَيَّ أَجْوُرُ أُمَّتِي حَتَّى الْقَدَى يُخْرِجُهَا الرَّجُلُ مِنْ أُمَّتِي مِنَ الْمَسْجِدِ ،

وَعُرِضَتْ عَلَيَّ دُنُوبُ أُمَّتِي فَلَمْ أَرَ دَنْبًا أَكْبَرَ مِنْ آيَةِ أُوتِيَهَا رَجُلٌ ثُمَّ نَسِيَهَا. "



*“Dibentangkan kepada aku dosa-dosa umat aku dan tidak aku nampak dosa yang lebih besar dari satu surah dari al-Qurān atau satu ayat yang diberikan kepada seorang lelaki kemudian ia melupakannya”.<sup>93</sup>*

### **3.9.1.3. Solat Dhuha**

Solat sunat ini menjadi rutin harian setiap pelajar, guru dan kakitangan di IISKD. Aktiviti ini dijadikan program rasmi sekolah setiap hari. Efek positif yang timbul daripada kebiasaan ini adalah semangat belajar yang sentiasa berkobar dalam diri pelajar dan guru-guru disebabkan mereka memulai aktiviti harian mereka dengan beribadah dan berdoa kepada Allah SWT. Ini juga merupakan kunci kepada kejayaan dan pertolongan Allah SWT dalam setiap gerak amal yang dilakukan sehari-hari.

Antara kelebihan solat Dhuha yang disebutkan oleh Rasulullah SAW ialah:

يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ يَا ابْنَ آدَمَ لَا تَعْجِزْنِي مِنْ أَرْبَعِ رَكَعَاتٍ فِي أَوَّلِ نَهَارِكَ أَكْفِكَ  
آخِرَهُ.

*Rasulullah SAW bersabda, “Allah SWT berfirman “Wahai anak Adam, jangan sampai engkau merasa lemah mengerjakan empat rakaat di awal siang kamu, maka Aku akan cukupkan segala keperluan kamu di akhirnya”<sup>94</sup>*

---

<sup>93</sup> *Ibid.*, h. 1944

<sup>94</sup> Abū Dāwud Sulayman b. al-Ash’ath b. Ishāq al-Azdī al-Sijistānī (2000), *Sunan Abī Dāwud*, “Bābu Solāti al-Dhuha, no. Hadis. 1289, Riyadh: Dār al-Salām, h. 1318.

### 3.9.1.4. Solat Zuhur dan Asar Berjemaah

Kunci kepada kekuatan dan perpaduan umat terletak pada solat berjemaah. Banyak filsafat persatuan dan kekuatan yang ditemui pada solat berjemaah. Pihak sekolah mengambil berat perkara ini dan menjadikannya wajib di IISKD di mana seluruh pelajar, guru dan kakitangan harus menghadiri solat berjemaah.

Antara firman Allah SWT yang menyentuh tentang persatuan dan saf yang merupakan simbol kepada kekuatan jemaah ialah:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَانَهُمْ بُنْيَانٌ مَّرْصُومٌ ﴿٤﴾

*“ Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang di jalanNya dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.*

Surah al-Saf (62): 4

Sedangkan hadis Rasulullah SAW tentang keutamaan solat berjemaah ialah:

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ تَفْضُلُ صَلَاةَ الْفَدَىِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً.

*“Sesungguhnya solat berjemaah dua puluh tujuh kali ganda lebih afḍal daripada solat bersendirian.”<sup>95</sup>*

<sup>95</sup> Muhammad b. Ismāil Abū ‘Abd Allah al-Bukhārī (2000), *Sahīh al-Bukhārī*, “Bab Fadhli Solāti al-Jamā’ah”, no. hadis 640, Riyadh: Dār al-Salām, h. 52.

Dalam hadis yang lain Rasulullah SAW bersabda:

صَلَاةُ الرَّجُلِ فِي الْجَمَاعَةِ تُضَاعَفُ عَلَى صَلَاتِهِ فِي بَيْتِهِ وَفِي سُوقِهِ خَمْسًا وَعِشْرِينَ ضِعْفًا؛

وَذَلِكَ أَنَّهُ إِذَا تَوَضَّأَ وَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ وَخَرَجَ إِلَى الْمَسْجِدِ لَا يُخْرِجُهُ إِلَّا الصَّلَاةُ، لَمْ يَخْطُ

خُطْوَةً إِلَّا رُفِعَتْ لَهُ بِهَا دَرَجَةٌ وَحُطَّ عَنْهُ خَطِيئَةٌ، فَإِذَا صَلَّى لَمْ تَزَلِ الْمَلَائِكَةُ تُصَلِّي

عَلَيْهِ مَا دَامَ فِي مُصَلَاةٍ: اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ، اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ، وَلَا يَزَالُ فِي

صَلَاةٍ مَا انْتَهَرَ الصَّلَاةَ.

*“Seorang yang bersolat secara berjemaah akan digandakan sebanyak dua puluh lima kali pahala lebih daripada orang yang bersolat bersendirian di rumah atau di kedai. Ini adalah kerana apabila seseorang itu mengambil wuduk dengan sempurna lalu berjalan menuju ke masjid semata-mata untuk bersolat maka setiap langkah yang dilangkahinya akan ditingkatkan satu darjat dan digugurkan satu dosa. Setelah bersolat, jika dia terus duduk di dalam masjid (dengan keadaan berwuduk) maka para malaikat akan memohon rahmat dan keampunan untuknya. Selama mana dia terus duduk menunggu untuk menunaikan solat yang seterusnya maka dia akan terus menerus mendapat pahala solat selama masa dia menunggu solat tersebut.”<sup>96</sup>*

Untuk kelancaran pelaksanaan program ini, unit tarbiah menyiapkan jadual muazin, imam dan pembaca doa selepas solat daripada kalangan pelajar di mana setiap pelajar akan mendapat giliran untuk tugas tersebut. Pelajar yang

---

<sup>96</sup> Ibid.

diberi tanggungjawab ini ialah pelajar lelaki dari tingkatan satu hingga tingkatan empat di mana mereka adalah pelajar terpilih dan terbaik dari segi hafalan, bacaan al-Qurān dan akhlak. Hal ini adalah penting untuk melatih para pelajar memiliki keberanian berdepan dengan orang ramai dan menyiapkan mereka untuk menjadi imam yang bersedia maju ke hadapan kelak di tengah-tengah masyarakat.

Adapun untuk doa selepas solat, unit tarbiah telah menyiapkan doa-doa dari al-Qurān dan membukukannya serta mewajibkan pelajar untuk menghafalnya, sehingga pelajar yang bertugas akan membaca doa dengan mudah tanpa dibenarkan melihat buku. Di samping doa, para pelajar juga dibekalkan dengan buku wirid selepas solat yang harus dihafal oleh mereka. Para pelajar juga dilatih untuk membiasakan diri melakukan solat sunat rawatib *qabliyyah* dan *ba'diyyah* yang selalunya dipantau oleh guru-guru yang bertugas.

### **3.9.2. Program Mingguan**

#### **3.9.2.1. Perhimpunan Pagi**

Program ini adalah permulaan daripada seluruh program sekolah setiap minggunya. Dalam program ini, pelbagai aktiviti dijalankan di mana majoritinya dilaksanakan oleh pelajar.

Bermula dari bacaan surah al-Fātihah, kalimah shahādah, *iqrār*, lagu Negaraku, lagu Negeri Selangor, lagu Jalur Gemilang, Rukun Negara, doa pagi hari, doa sebelum belajar dan al-*Asmāu al-Husnā*. Beberapa orang pelajar lelaki dan perempuan ditugaskan untuk membaca hafalan al-Qurān mereka pada perhimpunan ini. Tujuannya ialah untuk memberi motivasi kepada pelajar-pelajar lain supaya lebih giat dan bersungguh-sungguh di dalam menghafal al-Qurān.

Program ini juga menjadi peluang bagi guru-guru untuk memberikan petua dan tunjuk ajar kepada para pelajar di samping tempat untuk mengenalkan guru-guru yang baru bergabung dengan IISKD.

### **3.9.2.2. Terjemah Harfiyyah al-Qurān**

Program menterjemahkan dan memahami al-Qurān per kata ini dilaksanakan pada hari Jumaat setiap minggunya. Para pelajar dibahagikan kepada dua kelompok iaitu kelompok sekolah rendah dan kelompok sekolah menengah. Setiap kelompok akan dibimbing oleh seorang guru yang akan mengendalikan kelas ini dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Adapun tujuan daripada kelas ini ialah untuk meningkatkan kefahaman terhadap al-Qurān di kalangan pelajar dan pada masa yang sama juga meningkatkan perbendaharaan kata bahasa Arab mereka. Adapun penggunaan bahasa Inggeris adalah untuk memberikan kefahaman yang sama kepada pelajar-pelajar antarabangsa yang belajar di IISKD.

### **3.9.2.3. Karate**

Program kemahiran seni bela diri ini adalah antara program yang diwajibkan kepada seluruh pelajar daripada darjah satu hingga tingkatan empat. Dalam melaksanakan program ini, pihak sekolah memberi tanggungjawab kepada seorang guru yang mengetuai unit kokurikulum untuk merancang program dan program tentatif serta bekerjasama dengan Persatuan Karate se-Malaysia untuk membekalkan guru atau jurulatih. Para pelajar juga sering diikutsertakan dalam pelbagai pertandingan untuk melatih rasa percaya diri mereka ketika berhadapan dengan sebarang cabaran dan tentangan dalam kehidupan mereka kelak.

#### 3.9.2.4. Menunggang kuda

Konsep dasar diadakannya program ini adalah ucapan sayidina Umar bin al-Khattāb yang menyuruh mengajarkan anak-anak kita berenang, memanah dan menunggang kuda. Program menunggang kuda ini bersifat pilihan, ertinya pelajar boleh memilih satu antara tiga kategori yang disediakan: menunggang kuda, memanah atau berenang. Dan dibolehkan bagi seseorang pelajar untuk mengikuti semua kategori tersebut.

Oleh itu, jadual kegiatan dirancang supaya tidak bertembung antara satu dengan yang lainnya. Adapun filsafat dari latihan menunggang kuda ini ialah untuk melatih keseimbangan ketika berada di atas kuda. Hal ini sangatlah perlu dalam kehidupan di mana agama Islam mengajarkan untuk selalu bersikap seimbang dalam setiap perkara di mana hal ini dengan jelas boleh dilihat daripada firman Allah SWT tentang konsep kehidupan dunia dan akhirat. Firman Allah SWT:

وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا

عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾

*“Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka".*

Surah al-Baqarah (2): 201

#### 3.9.2.4. Memanah

Latihan ini juga didasarkan kepada galakkan dari sayidina Umar bin al-Khattāb tersebut di atas yang bertujuan melatih pelajar untuk fokus dalam setiap perkara yang mereka

lakukan terutama dalam pelajaran. Hal ini sudah pun dibuktikan oleh pelajar yang mengikuti program memanah ini di mana mereka mendapat hasil belajar yang lebih baik daripada sebelumnya.

#### **3.9.2.5. Berenang**

Filsafat renang tidaklah sama dengan latihan-latihan yang lain. Ianya adalah latihan untuk bertahan hidup dalam kondisi yang tidak dijangka di samping sangat berguna untuk perkembangan fizikal. Namun, satu masalah yang dihadapi pihak sekolah dalam melaksanakan program ini ialah tiadanya kolam renang yang dibina khusus untuk orang Islam khasnya untuk Muslimat. Ertinya, kolam renang yang sedia ada terdedah kepada umum, oleh kerana semua lapisan masyarakat boleh masuk dan melihat tanpa terkecuali. Ini adalah salah satu kelemahan umat Islam di negara kita yang selalu bergantung kepada pihak lain dalam memenuhi keperluannya. Umat Islam hanya mampu setakat menjadi pengguna tetapi tidak mampu menjadi pembuat atau penyedia walaupun untuk memenuhi keperluan sendiri. Pihak pengurusan sekolah menyatakan bahawa mereka merancang untuk membangun kolam renang sendiri dalam kawasan sekolah setelah mereka nanti berpindah ke tapak sekolah yang baru sehingga pendedahan aurat pelajar perempuan boleh dihindari pada masa hadapan.

#### **3.9.2.6. Latihan Pidato**

Kemahiran berbicara di hadapan orang ramai adalah sangat penting kerana ianya berhubungan dengan dakwah. Kemahiran dalam menyampaikan idea-idea dalam bentuk yang menarik akan membantu proses penyampaian misi dan mesej Islam kepada sasaran dakwah dengan lebih berkesan. Program ini biasanya dijalankan untuk pelajar-pelajar sekolah rendah dan pelajar-pelajar perempuan sekolah menengah pada hari Jumaat ketika pelajar-pelajar dan guru-guru lelaki pergi melaksanakan solat Jumaat di

masjid. Program ini dijalankan di bawah penyeliaan guru-guru perempuan. Topik-topik yang disampaikan biasanya adalah isu-isu semasa dan isu-isu yang berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Latihan pidato ini dilaksanakan dalam dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Hal ini ialah kerana pihak sekolah ingin membangun generasi yang bersedia untuk berdakwah bukan hanya kepada orang tempatan tetapi juga kepada sasaran dakwah daripada pelbagai bangsa dan negara. Sedangkan untuk pelajar lelaki masa latihan pidato mereka ialah ketika mereka melakukan qiamullail setiap bulannya.

#### **3.9.2.7. Solat Jumaat**

Program ini dikhaskan untuk pelajar lelaki darjah lima hingga tingkatan empat. Mereka melaksanakan solat Jumaat di Masjid Kota Damansara bersama dengan semua guru-guru lelaki yang mendampingi mereka dari berangkat ke masjid sehingga kembali ke sekolah. Para pelajar selalu diingatkan dan didedahkan dengan rukun-rukun dan adab-adab dalam melaksanakan solat Jumaat.

Biasanya dalam perjalanan kembali ke sekolah, para pelajar akan ditanya soalan-soalan berkaitan dengan isi khutbah pada hari itu. Hal ini dilakukan oleh guru-guru dari unit tarbiah untuk memastikan tiada pelajar yang tidur semasa khutbah disampaikan.

#### **3.9.2.8. Usrah**

Pelajar-pelajar sekolah menengah dibahagikan kepada beberapa kumpulan di mana setiap kumpulan dibimbing oleh seorang mentor dari pihak guru yang ditunjuk oleh unit tarbiyah dengan persetujuan pihak pengurusan sekolah. Sistem *mentor* dan *mentee* ini sangat efektif untuk mengetahui perkembangan pelajar sama ada dari segi akademik mahupun dari segi akhlak, ibadah dan keperibadian.



Guru-guru mentor akan berperanan sebagai kawan dan tempat mengadu bagi para pelajar terhadap masalah-masalah mereka. Di sinilah, para guru yang diamanahkan dicabar untuk mewujudkan keyakinan dan kepercayaan dalam diri pelajar terhadap mereka untuk berkongsi masalah. Semakin percaya seorang *mentee* terhadap *mentor* nya dan semakin baik komunikasi antara mereka, maka semakin mudah proses tarbiyah dijalankan.

### **3.9.3. Program Bulanan**

#### **3.9.3.1. Qiamullail**

Kunci sukses seseorang Muslim dalam hidupnya bukanlah terletak semata-mata dalam kecerdasan akal dan kekuatan fizikal yang dimiliki tetapi ianya tersembunyi dalam harmoninya hubungan seorang hamba dengan Tuhannya. Sedangkan waktu yang paling sesuai untuk menjalin keharmonian ini adalah di tengah-tengah keheningan malam.

Program qiamullail dilaksanakan setiap bulannya pada hari Jumaat minggu pertama atau minggu kedua. Penanggung jawab program ini adalah beberapa orang guru yang sudah ditunjuk oleh unit tarbiyah yang bertanggungjawab mengendalikan program dari awal hingga ke akhir. Setiap pelajar yang terlibat dalam program ini akan tidur di sekolah hingga keesokan harinya.

Program ini dimulai dengan pembacaan *al-Ma'thūrāt* yang akan dipimpin oleh seorang guru hinggalah masuk waktu Maghrib. Selepas solat Maghrib berjemaah maka guru yang bertugas akan menyampaikan kuliah Maghrib yang biasanya disampaikan dalam bahasa Inggeris hingga ke waktu Isyak. Biasanya topik yang dibawakan ialah sekitar remaja dan tanggungjawab sebagai pelajar Muslim dan cabaran yang dihadapi umat Islam semasa dan masa hadapan.

Selepas solat Isyak, para pelajar dan guru-guru akan menikmati makan malam untuk seterusnya melanjutkan program pidato atau diskusi sehingga ke pukul sebelas malam. Selanjutnya pelajar akan tidur bersama dengan guru-guru yang bertugas sehingga pukul empat pagi di mana mereka akan dikejutkan untuk melakukan solat tahajud secara berjemaah. Kuliah subuh adalah program terakhir dalam aktiviti bulanan ini. Walaupun program ini dilaksanakan hanya sekali sebulan sahaja, tapi para pelajar selalu diingatkan dari semasa ke semasa oleh guru-guru untuk melakukan qiamullail pada setiap malam.

### **3.9.4. Program Tahunan**

#### **3.9.4.1. *Leadership Camp* (kem kepimpinan)**

Seorang pemimpin tidak dilahirkan begitu sahaja. Ianya mesti disiapkan dan dilatih serta digembleng. Ianya perlu dibekalkan dengan pelbagai pengetahuan semenjak awal lagi. Untuk mewujudkan matlamat tersebut, maka pihak sekolah merasa perlu untuk merancang suatu program yang sesuai berkaitan dengan pembekalan pelajar dengan ilmu dan teori kepimpinan.

*Leadership camp* dijalankan sekali dalam setahun yang dikawal oleh beberapa orang guru dan diikuti oleh pelajar-pelajar terpilih dari setiap tingkatan bermula daripada darjah tiga. Selama tiga hari dua malam mereka dilatih dengan pelbagai aktiviti, dan selama tempoh itu pula mereka tidak dibenarkan berhubungan dengan ibu bapa mereka. Merekalah pelajar-pelajar yang nantinya akan menjadi *prefect* atau pengawas yang bertugas membantu guru-guru selepas program itu dijalankan. Tanggungjawab yang diberikan untuk memimpin kawan-kawan sebaya mereka akan membuat mereka belajar akan erti daripada tanggungjawab yang akan mereka pikul kelak ketika mereka kembali kepada masyarakat.

#### **3.9.4.2. Hari sukan**

Seorang pemimpin tidak akan mampu menjalankan program yang disusun secara bersendirian. Ianya perlu kepada pasukan yang padat dan kuat untuk membantu mewujudkan suatu matlamat yang ditetapkan bersama. Sejauh mana kerjasama boleh diwujudkan dalam sesebuah organisasi, sejauh itulah jua adanya peluang untuk berjaya. Hari sukan yang diadakan oleh sekolah mengandungi pelbagai bentuk permainan yang menuntut kepada kesungguhan dan kerjasama yang baik daripada setiap pasukan untuk menang dalam perlumbaan. Di sinilah, medan untuk melatih pelajar bekerjasama dan saling memahami antara satu sama lainnya supaya matlamat yang telah ditetapkan boleh dicapai.

Peranan guru sebagai pembimbing dalam setiap pasukan sukan juga sangat menentukan. Sebab ianya bertindak selaku pengarah dan pemberi semangat yang akan menggerakkan jentera pasukannya untuk berbuat yang terbaik. Strategi dan perancangan yang baik dan penempatan pelajar tertentu dalam permainan yang sesuai dengan kemampuannya akan memudahkan matlamat bersama dicapai.

#### **3.9.4.3. *Rihlah Ilmiyyah* (Lawatan sambil belajar)**

Program ini adalah bertujuan untuk melakukan kunjungan ke tempat-tempat tertentu seperti rumah anak yatim, rumah kanak-kanak istimewa dan tempat-tempat lainnya seperti zoo, kilang dan perkampungan pertanian. Maksud dan tujuannya adalah untuk mendedahkan kepada pelajar perkara-perkara yang selama ini mereka dengar tetapi belum mereka lihat secara langsung.

Antara hikmah dan mesej yang ingin disampaikan kepada para pelajar tersebut ialah perlunya mereka untuk sentiasa bersyukur dengan apa yang mereka miliki ketika ini.

Kerana ternyata mereka jauh lebih beruntung daripada orang-orang yang mereka kunjungi seperti anak-anak yatim dan fakir miskin yang tidak mengenali ibu bapa mereka.

Di samping itu, juga untuk menyedarkan mereka bahawa mereka perlu belajar dengan lebih rajin dan lebih bersemangat lagi kerana masih banyak hal-hal yang belum mereka ketahui. Pihak sekolah inginkan pelajar-pelajar menjadi manusia yang lebih bersyukur ke atas segala nikmat yang Allah SWT berikan kepada mereka dan agar mereka lebih giat belajar demi menambah ilmu pengetahuan untuk bekalan mereka di masa hadapan.

#### **3.9.4.4. *Mass Qiyam (Qiamullail Bersama)***

Program ini melibatkan para pelajar dan ibu bapa mereka di mana matlamat yang ingin dicapai oleh pihak sekolah ialah supaya timbulnya rasa keperluan dan kesedaran akan Tuhan yang semakin besar dalam diri pelajar dan ibu bapa mereka sehingga mereka menyedari bahawa inilah antara matlamat pendidikan di IISKD agar mereka lebih memberikan kerjasama pada masa hadapan.

#### **3.9.4.5. *Tadarus***

Program tadarus dilaksanakan pada bulan Ramadhan setiap tahunnya. Unit tarbiyah akan menyediakan daftar surah dan ayat yang harus diselesaikan oleh setiap tingkatan. Juga akan ditunjuk guru-guru yang bertugas mengawas jalannya tadarus ini. Di samping itu, setiap pelajar akan membaca al-Qurān dan merekodkan bacaan mereka dan akan dijadikan sebagai bukti yang membolehkan mereka mengikuti program khatam al-Qurān pada akhir bulan Ramadhan.

#### **3.9.4.6. Khatam al-Qurān**

Biasanya program ini dilaksanakan pada minggu terakhir bulan Ramadhan di mana setiap pelajar yang telah menamatkan tadarus mereka akan diraikan oleh pihak sekolah dan akan diberikan sijil khatam al-Qurān. Program ini cukup efektif dan berkesan untuk memacu semangat pelajar dalam membaca dan mengkhatamkan al-Qurān selama bulan Ramadhan. Bahkan ada antara pelajar yang boleh mengkhatamkan al-Qurān sampai sepuluh kali selama bulan Ramadhan.

#### **3.9.4.7. Iktikaf**

Program ini adalah kuarantin terbaik untuk melatih dan mengawal hawa nafsu selama bulan Ramadhan di samping ianya merupakan sunnah Rasulullah SAW dan para sahabat. Biasanya iktikaf akan dilaksanakan pada sepuluh malam terakhir dari bulan Ramadhan. Salah satu sebab yang mendorong pihak sekolah mengadakan program ini ialah hadis Rasulullah SAW tentang keutamaan malam *lailatu al-Qadr* dan keutamaan beribadah pada malam itu.

Program iktikaf IISKD dilaksanakan di masjid Kota Damansara di mana pihak sekolah memohon kebenaran dari pihak AJK masjid menggunakan dua bilik di tingkat atas masjid untuk kegunaan para pelajar. Peserta program ini ialah seluruh pelajar lelaki dan perempuan tingkatan sekolah menengah.

Mereka akan tinggal di masjid sehingga program iktikaf berakhir. Guru-guru pula akan digilirkan sebagai warden bagi pelajar-pelajar ini yang bertanggungjawab ke atas aktiviti-aktiviti yang dirancang oleh unit tarbiah.

### **3.10 Program Untuk Guru dan Staf**

#### **3.10.1. Usrah**

Program ini dijalankan pada petang hari Rabu pada setiap minggu. Program usrah yang dirancang untuk guru dan kakitangan ini memainkan peranan yang sangat besar dalam menyeimbangkan emosi guru-guru dan kakitangan yang setiap hari bergelut dengan kesibukan yang memmenatkan.

Kepenatan itu akan menyebabkan kekosongan dalam jiwa yang jika tidak diisi dengan ayat-ayat Allah SWT maka ianya akan diisi oleh syaitan yang akan menyebabkan kurangnya keikhlasan dan munculnya rasa putus asa dalam berjuang di medan dakwah.

Setiap guru yang terlibat dalam usrah ini bertanggungjawab menjadi mentor bagi setiap kumpulan usrah pelajar yang terdiri dari sepuluh orang pelajar dan yang akan bertanggungjawab mengikuti perkembangan setiap pelajar tersebut sama ada dari sudut akademik mahupun dari sudut spiritual.

Guru mentor juga bertindak sebagai kaunselor bagi setiap pelajar dalam kumpulannya. Dengan adanya program ini, maka setiap masalah yang dihadapi pelajar akan mudah dipantau dan dikenal pasti sehingga pihak sekolah akan mudah mencarikan penyelesaian bagi setiap masalah yang muncul.

#### **3.10.2. Kursus Kemahiran**

Program ini biasanya dilaksanakan di awal tahun sebelum proses pengajaran dan pembelajaran dimulai. Adapun tujuan daripada program ini ialah untuk mempertingkatkan kemampuan dan kemahiran guru-guru dalam subjek yang mereka ajar. Guru-guru juga didedahkan kepada cara penulisan *lesson plan* (rekod pengajaran dan pembelajaran) yang praktikal dan efektif. Dalam program ini guru-guru juga

didedahkan kepada mekanisme berhadapan dengan pelajar dan ibu bapa pelajar secara profesional.

Guru-guru diberi tanggungjawab untuk menguruskan dan menjayakan setiap program yang akan dijalankan di IISKD. Panduan daripada laporan kemajuan mahupun beza siasat dari program tahun lepas selalu menjadi bahan rujukan berharga untuk setiap program yang sama pada tahun berikutnya. Hal ini menunjukkan bahawa pengurusan fail adalah penting dalam sesebuah organisasi. Ini kerana, hal itu akan mengurangkan munculnya masalah-masalah dalam program yang sama sebab sudah ada manual dalam menjalankan program berkaitan.

Kesan daripada program-program yang dijalankan di IISKD ialah semakin meningkatnya rasa percaya diri dalam diri para pelajar dan guru yang diharapkan akan membuat mereka lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dan tentangan di masa hadapan dalam mengembangkan risalah Islam. Faktor yang paling menentukan dalam kejayaan sesuatu program ialah perancangan yang baik dan komunikasi yang lancar antara sesama penanggungjawab program melalui mesyuarat yang berterusan. Oleh kerana guru-guru selalu terlibat dalam setiap program, maka sewajarnya mereka diajak berbincang dan tentang setiap aktiviti yang akan dijalankan.

### **3.11. Penutup**

Sebagai sebuah sekolah swasta, pihak pengurusan menyedari sepenuhnya bahawa guru-guru yang mengajar di IISKD tidaklah sebaik yang ada di sekolah-sekolah kerajaan. Hal ini kerana masih banyak yang belum bersedia untuk berjuang dengan sepenuh hati, khususnya dalam bidang keagamaan. Maksudnya, banyak yang tidak kuat untuk menjadi pendidik di sekolah swasta disebabkan rendahnya gaji dan sedikitnya

kemudahan yang diperoleh berbanding dengan bekerja dan mengajar di sekolah kerajaan. Hal ini secara tidak langsung mempengaruhi kesan program yang sudah ditetapkan. Pada setiap tahun, akan kerap terjadi pergantian atau *turn-over* guru-guru di mana guru-guru yang keluar masuk jumlahnya tidak sedikit. Kebanyakan guru yang keluar adalah kerana mendapatkan pekerjaan yang lebih baik atau gaji yang lebih besar di tempat kerja yang baru atau sekolah lain. Sedangkan guru-guru yang baru pula hanya menjadikan sekolah ini sebagai tempat persinggahan sementara atau sebagai batu loncatan untuk mendapat tempat dan gaji yang lebih tinggi. Sehingga apabila datang kesempatan untuk pergi dan berpindah, maka mereka lebih mudah melepaskan tanggungjawab di sekolah.

Hal tersebut di atas sudah tentu menjejaskan proses tarbiah yang sedang berlangsung di sekolah. Ini adalah kerana guru-guru yang baru masuk harus diberikan pelatihan atau kursus lagi, namun setelah mereka mempunyai kemahiran yang lebih baik, mereka memilih untuk berpindah ke tempat lain. Di pihak pelajar pula, hal ini tentu tidak menguntungkan kerana setiap kali mereka harus menyesuaikan diri dengan setiap guru yang baru masuk. Namun, apabila mereka sudah terbiasa dengan guru tersebut, beliau pun pergi dan digantikan pula oleh guru baru yang lain. Untuk jangka panjang, masalah ini tentu tidak sihat dan akan menjejaskan proses tarbiah dan akan menggagalkan program-program yang telah disediakan. Setiap masalah yang timbul tentu tidak boleh diselesaikan dalam sekelip mata. Ertinya, amatlah perlu kepada proses dan masa yang lama untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Untuk mengatasi masalah guru-guru yang keluar masuk, maka pihak sekolah mencuba menggunakan pendekatan spiritual. Maksudnya, pihak sekolah mencuba untuk meningkatkan tahap motivasi keagamaan dan pemahaman tentang perlunya usaha jihad



dan berkorban dalam menyampaikan mesej Islam kepada generasi yang akan datang tanpa menjadikan upah atau imbuhan material sebagai tujuan utama. Rasa tanggungjawab terhadap umat diharapkan akan membuat hati guru-guru tersebut terbuka dan bersedia untuk tinggal lebih lama sehingga lebih banyak nilai-nilai positif yang boleh diserapkan kepada pelajar yang pada akhirnya tentu akan membuat program-program dakwah yang telah dirancang boleh dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Di samping itu, pihak sekolah juga mencuba meningkatkan gaji guru-guru setiap tahunnya, namun tentu jumlahnya tidaklah sebanyak yang diberikan oleh sekolah-sekolah kerajaan. Inilah salah satu cabaran yang dihadapi oleh umat ketika ini yang memilih untuk berbuat sedikit tetapi mengharapkan hasil yang banyak.

Semoga Allah SWT membangkitkan dari kalangan umat ini satu golongan yang bersedia berkorban untuk agama Allah SWT dengan harta dan jiwa mereka sehingga Allah SWT memberikan pertolonganNya kepada mereka.

## **BAB IV**

### **HASIL KAJIAN DAN ANALISA DATA**

#### **4.1. Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan dan menjelaskan hasil dapatan kajian dan analisis data berdasarkan kepada objektif-objektif yang dibentuk. Data yang dijelaskan diperolehi melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden yang terdiri daripada guru/kakitangan dan pelajar di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor.

Secara umum, responden dapat menyatakan dengan baik pengalaman mengikuti dan atau menjalankan program dakwah di sekolah. Respons tersebut terdapat dalam jawapan yang responden berikan. Berikut merupakan dapatan kajian pada setiap bahagian dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada responden.

#### **4.2. Laporan Penyelidikan dan Analisa Data**

##### **4.2.1. Demografi**

Daripada 78 borang soal selidik yang berjaya dikutip balik, terdapat seramai empat puluh satu lelaki dan tiga puluh tujuh perempuan. Pada awalnya, dikehendaki nisbah jantina adalah sama, namun yang berjaya menyempurnakan pengisian borang soal selidik adalah seperti jumlah di atas. Namun, jika dikira kembali nisbah antara lelaki dan perempuan ialah 41:37 iaitu hampir mendekati nisbah sama.

Hal tersebut penting diperhatikan untuk melihat kesamaan persepsi dan kesan pengurusan program dakwah di sekolah antara responden lelaki dan perempuan. Berikut merupakan jadual yang menggambarkan responden berdasarkan jantina:

Responden berdasarkan jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	41	52.56
Perempuan	37	47.44

Jadual 2. Responden kajian berdasarkan jantina.

Jumlah keseluruhan responden yang mengikuti kajian ini terdiri dari 24 orang guru/kakitangan dan 54 orang pelajar. Berikut merupakan jadual yang menggambarkan demografi keseluruhan responden:

Kelompok Responden	Bilangan	Peratus
Guru/kakitangan	24	30.77
Pelajar	54	69.23

Jadual 3. Jumlah responden Guru/Kakitangan dan pelajar.

a. **Guru/Kakitangan**

Daripada seramai 24 orang guru/kakitangan yang mengikuti kajian ini, dapat dijelaskan bahawa nisbah guru/kakitangan perempuan yang ada di IISKD ialah dua kali ganda daripada guru/kakitangan lelaki. Hal ini dapat digambarkan dengan jadual berikut.

Guru/kakitangan berdasarkan jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	8	33.33
Perempuan	16	66.67

Jadual 4. Responden Guru/Kakitangan berdasarkan jantina.

Daripada jadual 4 tersebut, dapat diambil kesimpulan bahawa nisbah jumlah guru/kakitangan perempuan adalah dua kali ganda lebih banyak daripada jumlah guru/kakitangan lelaki. Beberapa perkara yang memungkinkan hal ini berlaku ialah minat terhadap pekerjaan yang berkaitan dengan dunia pendidikan lebih banyak dimiliki oleh kaum perempuan. Kemungkinan ini berlaku atas sebab personaliti yang dimiliki oleh kaum perempuan adalah lebih banyak diperlukan untuk dunia pendidikan, sama ada sebagai pengajar atau pekerjaan yang menyokong pengajaran (kakitangan). Personaliti yang dimaksudkan iaitu; kesabaran, kelembutan, asas kasih sayang dan ketelitian dalam memperhatikan perilaku dan peribadi kanak-kanak atau remaja.

Berdasarkan umur, responden guru/kakitangan yang berumur kurang dari 26 tahun ialah seramai empat orang (16.7%), antara 26 hingga 30 puluh tahun seramai delapan orang (33.3%), antara 31 hingga 35 tahun seramai empat orang (16.7%), antara 36 hingga 40 tahun ialah seramai enam orang (25%), dan selebihnya yang berumur lebih daripada 40 tahun ialah seramai dua orang.

Berikut merupakan jadual yang menggambarkan responden dari kalangan guru/kakitangan berdasarkan kelompok umur:

Guru/kakitangan berdasarkan umur	Bilangan	Peratus
Umur kurang dari 26 tahun	4	16.7
Umur 26-30 tahun	8	33.3
Umur 31-35 tahun	4	16.7
Umur 36-40 tahun	6	25.00
Umur lebih dari 40 tahun	2	8.3

Jadual 5. Responden Guru/kakitangan berdasarkan umur.

Berdasarkan pendidikan terakhir responden guru/kakitangan, diketahui bahawa seramai 16 orang (66.7%) memiliki ijazah ke atas, lima orang (20.8%) STPM/Diploma/A-level, dan hanya dua orang sahaja (8.3%) berkelulusan PMR/SRP/LCE, serta hanya seorang (4.20%) berkelulusan sekolah rendah.

Berikut merupakan jadual yang menggambarkan responden dari kalangan guru/kakitangan berdasarkan pendidikan terakhirnya:

Guru/kakitangan berdasarkan pendidikan terakhir	Bilangan	Peratus
Sekolah rendah	1	4.20
Sekolah menengah (PMR/SRP/LCE)	2	8.3
Prauniversiti (STPM/Diploma/A-Level)	5	20.8
Universiti (Ijazah ke atas)	16	66.7

Jadual 6. Responden Guru/Kakitangan berdasarkan pendidikan terakhir.

Sedangkan jika dilihat daripada bahagian/unit bekerja, responden yang mengikuti kajian terdiri atas pemegang jawatan tinggi, menengah, dan bawah seperti yang tergambar dalam jadual 7 di bawah:

Guru/kakitangan berdasarkan bahagian/unit bekerja	Bilangan	Peratus
Guru kelas	4	16.7
Guru subjek	9	37.5
Kakitangan	9	37.5
Ketua bahagian	2	8.3

Jadual 7. Responden Guru/Kakitangan berdasarkan jawatan.

Daripada jadual di atas, dapat dijelaskan bahawa seramai sembilan orang (37.5%) responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah guru subjek, sembilan orang (37.5%) kakitangan, empat orang (16.7%) adalah guru kelas, dan dua orang (8.3%) adalah ketua bahagian.

#### **b. Pelajar**

Daripada seramai 54 orang pelajar yang mengikuti kajian ini, dapat dijelaskan bahawa bilangan pelajar perempuan yang mengikuti kajian ialah lebih sedikit daripada bilangan pelajar lelaki. Hal ini dapat digambarkan dengan jadual 7 berikut:

Pelajar berdasarkan jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	33	51.1
Perempuan	21	38.9
Kakitangan	9	37.5
Ketua bahagian	2	8.3

Jadual 8. Responden pelajar berdasarkan jantina.

Daripada jadual di atas, dapat diuraikan bahawa seramai 33 orang (51.1%) responden ialah pelajar lelaki dan 21 orang (38.9%) ialah pelajar perempuan. Pelajar sekolah menengah yang mengikuti kajian ini ialah seramai 39 orang (72.2%) dan pelajar sekolah rendah seramai 15 orang (27.8%). Berikut merupakan jadual 8 yang menggambarkan pembahagian pelajar berdasarkan tingkatan sekolah.

Pelajar berdasarkan tingkatan sekolah	Bilangan	Peratus
Pelajar sekolah rendah	15	27.8
Pelajar sekolah menengah	39	72.2

Jadual 9. Responden pelajar berdasarkan tingkatan sekolah

Secara keseluruhan, responden yang mengikuti kajian ini ialah seperti yang terdapat dalam jadual berikut:

No.	Perkara	Bilangan	Peratus
1	<b>Keseluruhan</b>		
A	Kelompok		
	Guru/Kakitangan	24	30.77
	Pelajar	54	69.23
B	Jantina		
	Lelaki	41	52.56
	Perempuan	37	47.44
C	Umur		
	Kurang dari 26 tahun	58	74.36
	26 – 30 tahun	8	10.26
	31 – 35 tahun	4	5.13
	36 – 40 tahun	6	7.69
	Lebih dari 40 tahun	2	2.56
2	<b>Guru/Kakitangan</b>		
A	Jantina		
	Lelaki	8	33.33
	Perempuan	16	66.67
B	Umur		
	Kurang dari 26 tahun	4	16.67
	26 – 30 tahun	8	33.33
	31 – 35 tahun	4	16.67
	36 – 40 tahun	6	25
	Lebih dari 40 tahun	2	2.83
C	Pendidikan		
	Universiti	16	66.67
	Pra Universiti	5	20.83
	Sekolah Menengah	2	8.33
	Sekolah Rendah	1	4.17
D	Unit?Bahagian		
	Guru Kelas	4	16.67
	Guru Subjek	9	37.5
	Kakitangan	9	37.5
	Ketua Bahagian	2	8.33
3	<b>Pelajar</b>		
A	Kategori		
	Sekolah Menengah	39	72.22
	Sekolah Rendah	15	27.78
B	Jantina		
	Lelaki	21	51.11
	Perempuan	33	33.89

Jadual 10. Taburan Responden Mengikut Kelompok Demografi.

#### **4.2.2. Amalan Pengurusan Program Dakwah**

Dalam mengumpulkan data mengenai amalan pengurusan program dakwah yang dilakukan di IISKD, maka pengkaji melengkapkan borang soal selidik dengan item-item pertanyaan yang berkaitan dengan perancangan, pelaksanaan dan evaluasi program dakwah tersebut. Pada bahagian B dan C, terdapat 38 item pertanyaan mengenai pengurusan program dakwah yang dilaksanakan.

Bahagian ini menggunakan skala Likert lima markah (1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju, 5=sangat setuju). Di mana setiap item mengandungi pernyataan negatif tentang pengurusan program dakwah yang dilakukan di IISKD. Bermakna semakin tinggi markah yang diberi (skala Likert 5=sangat setuju) oleh responden, maka bermaksud bahawa menurut responden pernyataan itulah yang menjadikan sesebuah program dakwah kurang diurus dengan baik.

Daripada perolehan jumlah markah dan min pada bahagian ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat tiga perkara yang menjadikan sesebuah program dakwah di IISKD kurang dilaksanakan dengan amalan yang baik. Tiga perkara tersebut ialah item C3.4 iaitu pernyataan “Urus setia program tidak semua turun padang”, item B3.4 iaitu pernyataan “Tiada denda dikenakan kepada yang tidak menghadiri program”, serta item B4.2 iaitu pernyataan “Memotivasi diri sendiri untuk menjayakan setiap program”.

Seramai 27 responden (34.6%) menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa urus setia program dakwah yang dilaksanakan tidak semuanya terlibat dan melaksanakan tugas dengan baik. Dan juga seramai 21 responden (26.9%) menyatakan bahawa mereka setuju dan menyokong pernyataan tersebut. Hal ini juga turut membuktikan bahawa daripada pandangan responden, kerjasama yang diberikan oleh urus setia dalam menjayakan sesebuah program dakwah yang dilaksanakan adalah kurang baik.



Urus setia program tidak semua turun padang	Bilangan	Peratus
Sangat tidak setuju	4	5.1
Tidak setuju	12	15.4
Tidak pasti	14	17.9
Setuju	21	26.9
Sangat setuju	27	34.6

Jadual 11. Pandangan responden terhadap kerjasama urus setia program.

Perkara kedua yang perlu juga diambil berat untuk menjayakan sesebuah program dakwah ialah berkaitan dengan denda. Di mana dalam kajian ini diketahui bahawa 17 responden (21.8%) menyatakan sangat bersetuju bahawa tiada denda atau hukuman dikenakan kepada yang tidak menghadiri program. Dan juga seramai 28 responden (35.9%) menyatakan bahawa mereka bersetuju dan menyokong pernyataan tersebut. Hal ini turut membuktikan bahawa daripada pandangan responden, denda atau hukuman perlu diberikan kepada yang tidak menjalankan tugas dengan baik mahupun kepada mereka yang tidak hadir untuk menjayakan program dakwah.

Tiada denda dikenakan kepada yang tidak menghadiri program	Bilangan	Peratus
Sangat tidak setuju	4	5.1
Tidak setuju	17	21.8
Tidak pasti	12	15.4
Setuju	28	35.9
Sangat setuju	17	21.8

Jadual 12. Pandangan responden terhadap keperluan denda atau hukuman kepada yang tidak menghadiri program dakwah .

Perkara ketiga yang dinyatakan oleh responden berkaitan dengan usaha untuk menjayakan sesebuah program dakwah ialah mereka sangat menyokong pernyataan bahawa responden memotivasi diri sendiri untuk selalu berusaha menjayakan setiap program dakwah yang dilaksanakan di sekolah. Di mana dalam kajian ini diketahui bahawa seramai 19 responden (24.4%) menyatakan sangat bersetuju bahawa mereka

memotivasi diri sendiri untuk menjayakan program. Dan juga terdapat seramai 19 responden (24.4%) menyatakan bahawa mereka bersetuju dan menyokong pernyataan tersebut.

Memotivasi diri sendiri untuk menjayakan setiap program	Bilangan	Peratus
Sangat tidak setuju	4	5.1
Tidak setuju	13	16.7
Tidak pasti	23	29.4
Setuju	19	24.4
Sangat setuju	19	24.4

Jadual 13. Pandangan responden terhadap memotivasi diri sendiri dalam menjayakan program dakwah.

Selain daripada sokongan terhadap perkara-perkara yang dianggap sebagai faktor yang menjayakan program dakwah yang dilaksanakan di sekolah, dalam kajian ini juga diperoleh bahawa terdapat faktor-faktor yang menyebabkan sesebuah program dakwah tidak berjaya, namun ini tidak terjadi di IISKD.

Antara faktor-faktor dalam pandangan responden yang bukan merupakan perkara yang terjadi di IISKD ialah tiada koordinasi penganjuran antara unit. Seramai 12 responden (15.4%) sangat tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dan disokong oleh seramai 26 responden yang lain (33.3%) menyatakan tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini membuktikan bahawa koordinasi penganjuran program antara unit di IISKD dianggap baik oleh responden.

Tiada koordinasi penganjuran program antara unit	Bilangan	Peratus
Sangat tidak setuju	12	15.4
Tidak setuju	26	33.3
Tidak pasti	17	21.8
Setuju	15	19.2
Sangat setuju	8	10.3

Jadual 14. Pandangan responden terhadap koordinasi penganjuran program antara unit.

Pernyataan kedua yang tidak disokong oleh responden ialah penggunaan tenaga yang membazir dan tidak sistematik ketika merancang sesebuah program dakwah di IISKD. Seramai 15 responden (19.2%) menolak dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa terjadi pembaziran tenaga dalam perancangan program dakwah. Sedangkan seramai 24 responden (30.8%) tidak bersetuju dan menolak pernyataan tersebut. Hal ini membuktikan bahawa pada pandangan responden perancangan yang dilakukan di IISKD adalah baik, tidak membazir tenaga dan sistematik atau teratur.

Perancangan menggunakan banyak tenaga dan tidak sistematik	Bilangan	Peratus
Sangat tidak setuju	15	19.2
Tidak setuju	24	30.8
Tidak pasti	16	20.5
Setuju	17	21.8
Sangat setuju	6	7.7

Jadual 15. Pandangan responden terhadap perancangan program.

Juga terdapat pernyataan lain yang tidak disokong oleh responden dalam kajian ini. Seramai 13 responden (16.7%) menolak dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa arahan yang disampaikan pemimpin program adalah tidak jelas.

Hal ini turut disokong oleh seramai 29 responden (37.2%) yang menyatakan tidak bersetuju dan menolak pernyataan tersebut. Ini juga membuktikan bahawa pada pandangan responden arahan yang disampaikan oleh pemimpin program yang dilaksanakan di IISKD adalah jelas dan boleh difahami oleh responden.

Arahan pemimpin program tidak jelas	Bilangan	Peratus
Sangat tidak setuju	13	16.7
Tidak setuju	29	37.2
Tidak pasti	20	25.6
Setuju	9	11.5
Sangat setuju	7	9.0

Jadual 16. Pandangan responden terhadap arahan pemimpin dalam menjalankan program dakwah.

Dalam kajian ini, selain pada bahagian B dan C borang soal selidik, terdapat juga bahagian lain yang turut sama mengenal pasti amalan pengurusan program dakwah yang di laksanakan. Keseluruhan jumlah item pada bahagian ini ialah lima puluh dua item yang mengandungi penilaian untuk masing-masing program berdasarkan perancangan, pelaksanaan, evaluasi dan kesan masing-masing program dakwah tersebut.

Terdapat tiga belas jenis program dakwah yang ditanyakan dalam kajian ini, iaitu: perhimpunan pagi, tilawah, tadarus, solat Zuhur berjemaah, solat Dhuha, khutbah Jumaat, solat Jumaat, solat Asar berjemaah, usrah, qiamullail, iktikaf, khatam al-Qur'ān dan *mass qiyām*. Keseluruhan program dakwah tersebut dikategorikan kepada program; (a) dakwah harian, seperti: murāja'ah dan tilawah, solat Dhuha, solat Zuhur berjemaah dan solat Asar berjemaah, (b) program dakwah mingguan, seperti: perhimpunan pagi, kadet remaja sekolah (KRS), kelas harfiah al-Qurān, solat Jumaat, khutbah Jumaat, dan usrah, (c) program dakwah bulanan iaitu qiamullail, dan (d) program dakwah tahunan, seperti: tadarus, iktikaf, khatam al-Qur'ān dan qiamullail bersama.

#### 4.2.2.1. Perancangan

Berikut merupakan senarai perolehan pandangan responden terhadap perancangan program dakwah yang dijalankan di IISKD. Pernyataan responden terhadap perancangan program tadarus, khatam al-Qur'ān dan iktikaf adalah sebagai berikut:

Perancangan Program Tadarus	Bilangan	Peratus
Perlu peningkatan	6	7.7
Kurang baik	11	14.1
Cukup baik	20	25.6
Sangat baik	10	12.8
Cemerlang	31	39.7

Jadual 17. Pandangan responden terhadap perancangan program tadarus.

Dari jadual 17 di atas dapat dinyatakan bahawa sebahagian besar responden (52.5%) menyatakan bahawa program tadarus yang diadakan setiap tahun merupakan program di mana perancangannya disusun dan dibuat dengan baik. Sedangkan hanya 17 responden (21.8%) responden yang menyatakan bahawa perancangan program tadarus memerlukan peningkatan dan kurang baik.

Untuk program khatam al-Qur'ān, seramai 26 responden (33.33%) menyatakan bahawa perancangan program khatam al-Qur'ān dilaksanakan dengan cemerlang. Dan terdapat 16 responden (20.5%) menyatakan bahawa perancangan yang dibuat adalah sangat baik. Sedangkan hanya terdapat 17 responden (21.8%) menyatakan bahawa program khatam al-Qur'ān memerlukan peningkatan dan kurang baik.

Berikut merupakan respon yang diberikan responden terhadap perancangan program khatam al-Qur'ān di IISKD:

Perancangan Program Khatam al-Qur'ān	Bilangan	Peratus
Perlu peningkatan	4	5.1
Kurang baik	13	16.7
Cukup baik	19	24.4
Sangat baik	16	20.5
Cemerlang	26	33.3

Jadual 18. Pandangan responden terhadap perancangan program khatam al-Qur'ān

Amalan perancangan program dakwah yang baik menurut pandangan responden yang lain ialah program iktikaf. Seramai 41 responden (52.6%) menyatakan bahawa perancangan program iktikaf adalah cemerlang dan sangat baik. Sedangkan yang menyatakan perancangan program iktikaf perlu peningkatan dan kurang baik hanya disokong oleh 17 responden sahaja (21.8%).

Perancangan Program Iktikaf	Bilangan	Peratus
Perlu peningkatan	7	9.0
Kurang baik	10	12.8
Cukup baik	20	25.6
Sangat baik	16	20.5
Cemerlang	25	32.1

Jadual 19. Pandangan responden terhadap perancangan program Iktikaf.

#### 4.2.2.2. Pelaksanaan

Dari sudut pelaksanaan, berikut merupakan senarai perolehan pandangan responden bagi setiap amalan pelaksanaan program dakwah yang dijalankan di IISKD.

Program khatam al-Qur'ān yang mendapat respons positif terhadap perancangannya ternyata juga mendapat respons dan sokongan yang sama terhadap pelaksanaannya. Hal ini dibuktikan dengan seramai 45 responden (57.7%) menyatakan bahawa pelaksanaan program khatam al-Qur'ān adalah cemerlang dan sangat baik. Sedangkan hanya terdapat 17 orang responden (21.8%) menyatakan bahawa pelaksanaan program khatam al-Qur'ān perlu ditingkatkan dan kurang baik.

Pelaksanaan program khatam al-Qur'ān	Bilangan	Peratus
Perlu peningkatan	5	6.4
Kurang baik	12	15.4
Cukup baik	16	20.5
Sangat baik	23	29.5
Cemerlang	22	28.2

Jadual 20. Pandangan responden terhadap pelaksanaan Program khatam al-Qur'ān

Juga terdapat satu lagi program dakwah tahunan yang mendapat respons positif terhadap pelaksanaan programnya, iaitu program tadarus di mana ianya disokong oleh responden dengan menyatakan bahawa program tersebut dilaksanakan dengan cemerlang dan sangat baik (48.7%). Dan hanya 17 orang responden (28.8%)

menyatakan bahawa program tersebut dilaksanakan dengan kurang baik sehingga diperlukan peningkatan di masa hadapan. Hal ini menunjukkan bahawa sepertimana program khatam al-Qur’ān, program tadarus juga dijalankan dengan amalan yang sangat baik. Program khatam al-Qur’ān dilaksanakan selepas program tadarus selama bulan Ramadhan dan dilanjutkan dengan program iktikaf yang dijalankan di sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan.

Pelaksanaan program tadarus	Bilangan	Peratus
Perlu peningkatan	6	7.7
Kurang baik	11	14.1
Cukup baik	23	29.5
Sangat baik	11	14.1
Cemerlang	27	34.6

Jadual 21. Pandangan responden terhadap pelaksanaan program tadarus.

Program dakwah lain yang dilakukan di IISKD yang mendapat respons positif dalam sudut pelaksanaannya ialah program solat Jumaat. Seramai 36 responden (46.2%) menyatakan bahawa pelaksanaan program solat Jumaat adalah cemerlang dan sangat baik. Sedangkan hanya terdapat 14 orang responden sahaja (17.9%) yang menyatakan bahawa pelaksanaan program solat Jumaat tersebut kurang baik dan memerlukan peningkatan di masa hadapan. Program ini merupakan program mingguan di mana peserta yang mengikutinya ialah seluruh pelajar lelaki sekolah menengah dan pelajar lelaki sekolah rendah tahap dua (darjah empat, lima dan enam) serta seluruh guru dan kakitangan lelaki IISKD.

Pelaksanaan program solat Jumaat	Bilangan	Peratus
Perlu peningkatan	3	3.8
Kurang baik	11	14.1
Cukup baik	28	35.9
Sangat baik	18	23.1
Cemerlang	18	23.1

Jadual 22. Pandangan responden terhadap pelaksanaan program solat Jumaat.

Salah satu kemungkinan penyebab program ini dilaksanakan dengan cemerlang dan sangat baik seperti yang dinyatakan oleh responden yang mengikuti kajian ini ialah disebabkan oleh wajibnya solat Jumaat berjemaah dalam Islam, seperti mana yang dinyatakan dalam hadis Rasulullah SAW:

الصَّلَاةُ الْخَمْسُ وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ مَا لَمْ تُغَشَّ الْكَبَائِرُ.

*“Solat lima waktu, dari Jumaat ke Jumaat berikutnya, adalah penggugur dosa-dosa (antara ibadah tersebut) selama meninggalkan dosa besar”*<sup>97</sup>

Juga sepertimana terdapat dalam hadis yang berikut:

مَنْ تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ ، ثُمَّ أَتَى الْجُمُعَةَ ، فَاسْتَمَعَ وَانْصَتَ ، غُفِرَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ

الْجُمُعَةِ وَزِيَادَةُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ، وَمَنْ مَسَّ الْحَصَا فَقَدْ لَعَا .

*“Barang siapa berwuduk lalu memperbagus wuduknya, kemudian mendatangi solat Jumaat terus mendengar dan berdiam diri (tidak berbicara sama sekali) maka diampunkanlah untuknya antara Jumaat itu dengan Jumaat yang berikutnya, dengan diberi tambahan tiga hari lagi. Barang siapa yang memegang kerikil (batu kecil untuk dipermainkannya sehingga tidak memperhatikan isi khutbah), maka ia telah melakukan kelalaian – yakni bersalah.”*<sup>98</sup>

Penyebab kedua ialah kerana solat Jumaat dilaksanakan pada waktu persekolahan dan kerana adanya bas yang disediakan oleh pihak sekolah yang menjadikan pelaksanaan program dakwah ini berjalan sukses, mudah dan lancar.

---

<sup>97</sup> Abu al-Husaini Muslim b. al-Hajjāj b. Muslim al-Qushairī al-Naisābūrī, (2000), *Sahih Muslim*, “*Kitāb al-Thahārah*, no. hadis. 550, Riyadh: Dār al-Salām, h. 720.

<sup>98</sup> *Ibid.*, h. 1977.



#### 4.2.2.3. Evaluasi

Sebelumnya telah di bahas tentang dapatan kajian mengenai respons yang diberikan oleh responden kajian terhadap perancangan dan pelaksanaan program dakwah yang dilakukan di IISKD. Daripada aspek evaluasi, berikut merupakan senarai perolehan pandangan responden bagi setiap amalan pelaksanaan program dakwah yang dijalankan di IISKD.

Evaluasi program solat Jumaat	Bilangan	Peratus
Perlu peningkatan	2	2.6
Kurang baik	12	15.4
Cukup baik	23	29.5
Sangat baik	21	26.9
Cemerlang	20	25.6

Jadual 23. Pandangan responden terhadap evaluasi program solat Jumaat.

Daripada jadual 23 di atas, dapat dikatakan bahawa selain dari amalan pelaksanaan yang cemerlang dan sangat baik, ternyata menurut pandangan responden, solat Jumaat juga merupakan program dakwah IISKD yang melaksanakan amalan evaluasi yang cemerlang dan baik. Hal ini disokong oleh seramai 41 responden (52.5%) sedangkan hanya terdapat 14 responden sahaja (18%) yang menyatakan bahawa evaluasi program solat Jumaat adalah kurang baik dan perlu ditingkatkan. Adanya respons yang kurang baik terhadap evaluasi program solat Jumaat tersebut berasal daripada responden perempuan yang tidak mengikuti program solat Jumaat sehingga amalan evaluasi yang dilakukan pada program ini tidak diketahui responden.

Seperti yang telah dijelaskan sebelumnya bahawa program solat Jumaat ini hanya diikuti oleh pelajar, guru dan kakitangan lelaki sahaja. Mereka yang mengikuti program ini sebelumnya telah diberikan pengetahuan tentang syarat-syarat dan hukum hakam

yang berkaitan dengan solat Jumaat sehingga pemahaman mereka yang mengikuti program tersebut adalah mencukupi.

Meskipun demikian, apabila terjadi masalah semasa solat Jumaat diadakan seperti pelajar bercakap atau tidur semasa khutbah, maka guru yang bertugas memimpin program pada hari itu akan memberi peringatan kepada pelajar terbabit sekembalinya mereka dari masjid. Amalan evaluasi yang dilakukan setiap selesai solat Jumaat tidak pernah ditangguhkan. Bahkan kadangkala evaluasi dilakukan di atas bas semasa perjalanan balik ke sekolah oleh guru yang bertugas pada hari itu.

Selanjutnya program dakwah IISKD yang mendapat respons memberangsangkan pada bahagian evaluasi ialah perhimpunan pagi. Berikut merupakan senarai respons yang diberikan oleh responden :

Evaluasi program perhimpunan pagi	Bilangan	Peratus
Perlu peningkatan	3	3.8
Kurang baik	9	11.5
Cukup baik	25	32.1
Sangat baik	24	30.8
Cemerlang	17	21.8

Jadual 24. Pandangan responden terhadap evaluasi program perhimpunan pagi.

Dari jadual 24 di atas dapat dilihat bahawa seramai 41 responden (59.6%) menyatakan bahawa evaluasi program perhimpunan pagi yang dilakukan adalah cemerlang dan sangat baik. Sedangkan 12 responden (15.3%) menyatakan sebaliknya, iaitu evaluasi yang dilakukan pada perhimpunan pagi kurang baik dan memerlukan peningkatan pada masa hadapan.

Perhimpunan pagi merupakan program dakwah mingguan sekolah yang dilaksanakan pada setiap hari Isnin setiap minggunya sebelum dimulakannya sesi pembelajaran. Program dakwah mingguan ini sangat menarik minat pelajar disebabkan pengisian program yang pelbagai dengan kegiatan seperti membaca surah-surah yang mereka hafal di kelas hafalan, persembahan nasyid, ceramah dan taklimat singkat dan pengumuman penting daripada pengetua sekolah dan guru-guru.

Antara sebab lain yang menyebabkan program ini mendapat respons yang baik ialah diwajibkannya seluruh pelajar untuk hadir termasuk guru-guru pada saat perhimpunan ini. Natiujahnya, kawalan terhadap pelajar dapat dilaksanakan dengan baik dan program pun berjalan dengan lancar.

Program dakwah lain yang mendapat respons positif dalam aspek evaluasinya ialah program tadarus. Sepertimana yang telah dijelaskan sebelumnya, program tadarus merupakan program dakwah tahunan di IISKD yang memiliki amalan perancangan dan pelaksanaan serta amalan evaluasi yang cemerlang dan sangat baik. Hal ini dapat dinyatakan dengan jadual berikut:

Evaluasi program tadarus	Bilangan	Peratus
Perlu peningkatan	7	9.0
Kurang baik	10	12.8
Cukup baik	20	25.6
Sangat baik	17	21.8
Cemerlang	24	30.8

Jadual 25. Pandangan responden terhadap evaluasi program tadarus.

Dari jadual 25 di atas, dapat dikatakan bahawa sebahagian besar responden (52.6%) menyatakan bahawa amalan evaluasi yang dilaksanakan pada program tadarus juga merupakan amalan yang cemerlang dan sangat baik. Sedangkan hanya 17 responden

(21.8%) menyatakan evaluasi program tadarus kurang baik dan memerlukan peningkatan pada masa hadapan.

Dari ketiga perbincangan mengenai dapatan kajian yang dilakukan, analisa data yang diperoleh dan pandangan responden mengenai amalan pengurusan program dakwah di IISKD, jika dilihat daripada aspek perancangan sesebuah program dakwah, pelaksanaan program dakwah dan amalan evaluasi selepas program dakwah tersebut dilaksanakan, maka dapat dilihat dengan jelas bahawa program dakwah yang melaksanakan amalan pengurusan yang cemerlang dan sangat baik ialah program tadarus. Pada pandangan responden, program ini melaksanakan amalan perancangan, pelaksanaan dan evaluasi yang cemerlang dan sangat baik.

Program tadarus tersebut merupakan program dakwah tahunan yang diadakan di IISKD sempena program *Ihyā' Ramadhān* selama bulan Ramadhan di mana ianya merupakan sebahagian program yang dirancang khas bagi seluruh pelajar, guru-guru dan kakitangan.

#### **4.2.3. Pengaruh Positif Program Dakwah**

Selain daripada melihat dan menganalisis amalan pengurusan program dakwah yang dilakukan di IISKD, kajian ini juga mengamati dan menganalisis pengaruh positif program dakwah tersebut terhadap pesertanya.

Berikut merupakan senarai perolehan pandangan responden bagi pengaruh positif setiap program dakwah yang dijalankan di IISKD. Daripada dapatan kajian, dapat disimpulkan bahawa bagi pihak responden, kesan program dakwah yang paling dirasakan ialah program Solat Zuhur berjemaah, *Mass Qiyām*, tadarus, perhimpunan pagi dan solat Jumaat.

		Frekuensi	Peratus	Peratus yang sah	Peratus kumulatif
Sah	Sangat tidak setuju	4	5.1	5.1	5.1
	Tidak setuju	9	11.5	11.5	16.7
	Tidak pasti	20	25.6	25.6	42.3
	Setuju	17	21.8	21.8	64.1
	Sangat setuju	28	35.9	35.9	100.0
	Total	78	100.0	100.0	

Jadual 26. Kesan Solat Zuhur berjemaah

		Frekuensi	Peratus	Peratus yang sah	Peratus kumulatif
Sah	Sangat tidak setuju	6	7.7	7.7	7.7
	Tidak setuju	11	14.1	14.1	21.8
	Tidak pasti	16	20.5	20.5	42.3
	Setuju	14	17.9	17.9	60.3
	Sangat setuju	31	39.7	39.7	100.0
	Total	78	100.0	100.0	

Jadual 27. Kesan Iktikaf

		Frekuensi	Peratus	Peratus yang sah	Peratus kumulatif
Sah	Sangat tidak setuju	5	6.4	6.4	6.4
	Tidak setuju	6	7.7	7.7	14.1
	Tidak pasti	25	32.1	32.1	46.2
	Setuju	22	28.2	28.2	74.4
	Sangat setuju	20	25.6	25.6	100.0
	Total	78	100.0	100.0	

Jadual 28. Kesan Mass Qiyam (Qiamullail Bersama)

Kajian ini juga memaparkan kesan program dakwah terhadap perubahan atau peningkatan amal ibadah responden. Pernyataan tentang hal ini turut ditanyakan dalam borang soal selidik yang diajukan kepada responden. Responden diminta untuk memberi markah yang sesuai dengan apa yang berlaku pada diri responden sendiri berkenaan dengan perubahan atau peningkatan ibadah selepas mengikuti beberapa siri program dakwah yang dilaksanakan di IISKD.

Bahagian D mewakili senarai pernyataan yang berkaitan dengan kesan program dakwah mengandungi 26 item pernyataan. Penilaian responden disalurkan dengan skala Likert lima markah (1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=tidak pasti, 4=setuju, 5=sangat setuju). Semakin besar jumlah markah yang diperoleh oleh setiap item pernyataan membawa erti bahawa semakin berkesan sesebuah program dakwah yang telah diikuti terhadap perubahan atau peningkatan amal ibadah dalam kehidupan harian responden. Berikut merupakan senarai jumlah dan min yang diperoleh oleh masing-masing item pernyataan berkenaan dengan kesan program dakwah di IISKD:

Pernyataan	Jumlah	Min
Responden selalu menghadiri Tilawah dan Murajaah	341	4.37
Responden selalu menghadiri Solat Dhuha	320	4.10
Responden selalu menghadiri Solat Zuhur berjemaah	302	3.87
Responden selalu menghadiri Solat Asar berjemaah	278	3.56

Pernyataan	Jumlah	Min
Bahagian dakwah IISKD perlu mempelbagaikan program dakwah	285	3.65
Bahagian dakwah IISKD perlu meningkatkan usaha dalam pengurusan program dakwah	265	3.40

Pernyataan	Jumlah	Min
Memberikan saya peluang untuk mendalami ilmu Islam	306	3.92
Memberikan saya kesedaran tentang kewajiban sebagai seorang Muslim	303	3.88
Saya kini lebih bertanggungjawab dalam menjalankan tugas dan kerja	295	3.78
Saya kini lebih mengambil berat tentang solat berjemaah	287	3.68
Saya merasa jiwa saya lebih bersih dan tenang	282	3.62
Saya kini berusaha untuk selalu wirid setiap kali selesai solat fardu	278	3.56
Saya selalu membaca al-Qurān di rumah setiap malam	275	3.53
Saya tidak pernah meninggalkan solat fardu sekarang	275	3.53
Saya selalu berdoa setiap selesai solat	275	3.53
Saya berusaha untuk selalu datang dalam program usrah	275	3.53
Saya kini merasa lebih dekat dengan Allah	275	3.53
Saya berusaha membaca al-Qurān dengan tajwid yang betul	272	3.49
Saya lebih memperhatikan apa yang disampaikan dalam khutbah Jumaat	270	3.46
Saya sekarang terbiasa untuk Qiyamullail sekurangnya sekali dalam seminggu	268	3.44
Saya akan pastikan untuk mengikuti iktikaf setiap tahun	267	3.42
Saya kini merasa mampu untuk menghafal satu juzuk dalam setahun	263	3.37
Saya kini lebih lama dalam bermunajat kepada Allah	261	3.35
Saya berusaha merutinkan rawatib (qabliyah dan ba'diyah) setiap masa	261	3.35
Saya kini senantiasa solat fardu tepat pada waktunya	260	3.33
Saya sudah memahami rukun dan syarat khutbah Jumaat	254	3.26

Jadual 29. Perolehan markah dan min kesan program dakwah.

Daripada jadual di atas dapat diambil kesimpulan bahawa program tilawah dan murāja'ah yang dilakukan setiap pagi di sekolah mendapat sambutan paling baik bagi pihak responden, diikuti oleh program solat Dhuha. Kesan program dakwah dan perubahan positif yang dirasakan oleh responden adalah peluang dalam mendalami ilmu Islam.

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **5.1 Pendahuluan**

Bab ini merupakan penutup bagi keseluruhan kajian yang dijalankan di mana pengkaji akan menyimpulkan dan merumuskan kajian berdasarkan perbincangan keseluruhan kajian ini. Bab ini juga mengetengahkan beberapa saranan dan cadangan yang dirasakan wajar untuk diambil perhatian dan dipertimbangkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Dalam bab ini, pengkaji akan menyentuh secara menyeluruh tentang beberapa aspek di dalam kajian ini berhubung dengan rumusan dan cadangan terhadap kajian yang telah dijalankan. Untuk merumuskan segala yang telah dibincangkan, wajar bagi pengkaji untuk memberikan beberapa pandangan dan komen berhubung hasil kajian bab yang lepas. Saranan dan cadangan yang dikemukakan bertujuan agar pihak pengurusan dapat memperbaiki setiap kepincangan dan masalah yang wujud dalam pelaksanaan program-program tersebut. Natijahnya agar penyebaran dakwah Islamiah yang dianjurkan di sekolah ini akan berkembang hasil dari pengurusan program yang baik dan sistematik.

#### **5.2 Rumusan**

Dari hasil kajian yang diperoleh dan telah dibincangkan pada bab yang lepas, terdapat beberapa perkara utama yang dapat dirumuskan. Rumusan yang dilakukan ini berdasarkan kepada setiap perkara utama yang dibincangkan pada bab yang lepas. Oleh demikian, rumusan yang dibincangkan di sini adalah berhubung dengan objektif kajian ini. Antara rumusan utama yang dapat diketengahkan ialah:



### **5.2.1 Mengenal pasti jenis-jenis program dakwah di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor.**

- a. Integrated Islamic School Kota Damansara (IISKD) adalah sebuah institusi dakwah yang mempunyai bentuk pengurusan yang tersendiri.
- b. Integrated Islamic School Kota Damansara (IISKD) merupakan sebuah institusi pendidikan dakwah yang sangat aktif dalam merangka dan menjalankan kerja dakwah khususnya dalam bidang pendidikan di kawasan Kota Damansara Selangor dan sekitarnya. Ia merupakan institusi yang giat mempromosikan Islam dan memberi bimbingan, sokongan dan bantuan yang berterusan kepada pelajar, guru dan kakitangan yang berada dalam lingkungannya melalui pelbagai bentuk program, kursus dan kaunseling.
- c. Bagi memudahkan dan melancarkan pembelajaran serta pelaksanaan semua program dakwah yang telah dirancang, maka IISKD menyusun program-program dakwah yang dibahagikan kepada empat kelompok bahagian iaitu program dakwah harian, program dakwah mingguan, program dakwah bulanan dan program dakwah tahunan. Pembahagian ini bertujuan untuk memudahkan semua yang terlibat dalam IISKD untuk mempelajari dan memahami Islam secara berperingkat-peringkat.
- d. Kemudian program-program dakwah tersebut juga dibahagikan kepada program untuk pelajar, program untuk guru dan program untuk kakitangan.
- e. Diperoleh bahawa kesemua program dakwah yang dijalankan adalah bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tentang Islam dan kesungguhan untuk mengamalkan ajarannya yang bersumberkan kepada al-Qurān dan as-Sunnah.

- f. Antara program harian yang dijalankan untuk pelajar ialah tilawah al-Qurān, hafalan al-Qurān, muraja'ah hafalan al-Qurān, solat Dhuha, solat Zuhur dan solat Asar berjemaah.
- g. Setiap program yang dijalankan dikawal oleh beberapa orang guru yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan program tersebut dan mereka dibahagikan tugas pengawasan berdasarkan *duty roster* atau senarai tugas.
- h. Antara program dakwah mingguan yang dijalankan untuk pelajar ialah terjemah harfiyyah al-Qurān, KRS (kadet remaja sekolah), karate, berenang, memanah, menunggang kuda, *public speaking* (latihan pidato), solat Jumaat dan usrah.
- i. Antara program dakwah bulanan yang dijalankan untuk pelajar ialah *qiamullail*, ceramah umum dan bacaan matsurat.
- j. Adapun program dakwah tahunan yang dijalankan untuk pelajar ialah *leadership camp* (kem latihan kepimpinan), *sports day* (hari sukan), *study tour*, Mass Qiyam (qiyamullail bersama), tadarus, khatam al-Qurān, Iktikaf dan *iftar jamāi* (berbuka puasa bersama).
- k. Manakala program dakwah untuk guru dan kakitangan ialah program usrah yang dilaksanakan sekali seminggu dan program *training* yang dilaksanakan setiap awal tahun akademik sebelum sekolah bermula.

### **5.2.2 Mengenal pasti sejauh manakah pengurusan program dakwah diamalkan di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor.**

- a. Tidak dapat dinafikan bahawa program-program dakwah di Integrated Islamic School Kota Damansara (IISKD) telah dijalankan dan dilaksanakan dalam bentuk pengurusan yang sistematik dan terancang. Ini dapat dibuktikan melalui

kajian lapangan yang dijalankan oleh pengkaji yang telah memberi gambaran berhubung pengurusan program dakwah yang dianjurkan.

- b. Dalam memahami amalan pengurusan program dakwah di IISKD, ada beberapa perkara utama di dalam disiplin bidang tersebut yang harus diberi penekanan. Disiplin tersebut ialah merancang, mengorganisir, memimpin dan mengawal. Keempat-empat perkara ini sering dibincangkan baik dari segi perspektif konvensional mahupun Islam. Di dalam bab satu dan bab dua, pengkaji telah membincangkan berhubung empat perkara utama tersebut dengan memberi penekanan dari segi amalan dan kesannya di dalam sesebuah organisasi, sekiranya ia mengamalkan perkara berkenaan. Apa yang ingin dirumuskan di sini ialah perlunya seseorang pentadbir dan pengurus menguasai bidang pengurusan dalam membentuk organisasi yang dinamik dan berdaya saing. Natiujahnya organisasi di bawah kendaliannya mampu mengharungi segala bentuk cabaran yang datang.
- c. Konsep pengurusan program dakwah yang dibincangkan di awal kajian bertujuan memberi penjelasan berhubung keistimewaannya dan aplikasinya di zaman Rasulullah s.a.w. Keistimewaan yang paling utama ialah adanya unsur ketauhidan iaitu ianya bertunjang kepada keimanan kepada Allah SWT. Dengan adanya unsur ketauhidan ini menunjukkan bahawa segala urusan yang dikendalikan oleh manusia haruslah berlandaskan kepada Allah SWT kerana tanpa unsur tersebut, ianya tidak akan menunjukkan amalan pengurusan dan program yang dijalankan tersebut sebagai ibadat. Dalam amalan pengurusan program dakwah di IISKD, terlihat dengan jelas arah dan halatuju daripada setiap program tersebut iaitu bagaimana meningkatkan kefahaman tentang Islam dalam kalangan pelajar, guru dan kakitangan IISKD serta berusaha untuk mengamalkannya dalam bentuk tindakan yang nyata.

- d. Pengurusan program dakwah di IISKD yang dibincangkan telah memberi satu gambaran bahawa dalam menjalankan program-program dakwah ianya memerlukan kepada satu mekanisme yang jelas iaitu perlunya sesebuah organisasi dakwah mempunyai pengurusan yang sistematik untuk memudahkan pelaksanaan program-program dakwah yang telah dirancang secara berkesan.
- e. Pengurusan program dakwah yang cekap di IISKD amatlah perlu bagi memudahkan pelaksanaan program-program yang dirancang kerana ianya merupakan asas kepada kekuatan sesebuah organisasi Islam. Tanpa pengurusan yang cekap dan mantap, sesuatu program tidak dapat berjalan dengan lancar dan sebarang perancangan yang telah disusun akan menjadi tergendala.
- f. Dalam mengurus program-program dakwah di IISKD, ianya perlu kepada satu bentuk kepimpinan yang matang kerana ianya akan memberi impak yang besar dalam sesebuah organisasi dakwah. Ketokohan dan kewibawaan pemimpin menjadi pemangkin utama dalam meningkatkan semangat, motivasi dan perjuangan kepada seluruh ahli yang bertugas dalam sesebuah organisasi tersebut.
- g. Di samping pelaksanaan program dakwah di IISKD yang cukup baik, kajian juga mendapati bahawa terdapat tiga perkara utama yang menyebabkan sesebuah program dakwah kurang dilaksanakan dengan baik. Tiga perkara itu ialah urus setia program tidak semua turun padang, kemudian tiada denda dikenakan kepada yang tidak menghadiri program dan kurangnya motivasi diri sendiri untuk menjayakan setiap program.
- h. Dari segi perancangan program diperoleh bahawa pada dasarnya, semua program telah dirancang dengan baik. Antara program yang diurus dengan baik ialah program tadarus, program khatam al-Qurān dan program iktikaf di mana kesemuanya adalah program dakwah tahunan.

- i. Adapun dari segi pelaksanaan program diperoleh bahawa program khatam al-Qurān, tadarus dan program solat Jumaat adalah antara program yang dianggap telah dilaksanakan dengan baik sekali.
- j. Sedangkan dari segi kawalan dan evaluasi diperoleh bahawa program dakwah yang diberi kawalan dan evaluasi yang baik ialah program solat Zuhur berjemaah, solat Jumaat, perhimpunan pagi dan tadarus.

**5.2.3 Mengetahui perubahan positif dalam diri pelajar, guru dan kakitangan setelah mengikuti program dakwah yang dijalankan di Integrated Islamic School, Kota Damansara, Selangor.**

- a. Secara umum, program-program yang dijalankan telah berjaya menarik minat dan perhatian pelajar, guru, kakitangan dan kakitangan IISKD untuk sama-sama mengikuti dan mempelajari Islam melalui program yang dijalankan secara holistik dan komprehensif.
- b. Kajian mendapati bahawa program-program dakwah yang dijalankan di IISKD telah memberikan sumbangan positif dalam mendalami kefahaman tentang Islam sama ada dalam kalangan pelajar, guru dan kakitangan.
- c. Antara kesan dan perubahan yang dirasakan ialah kesedaran yang semakin baik tentang kewajiban sebagai seorang Muslim, lebih mengambil berat tentang solat di awal waktu dan berjemaah, merasa jiwa lebih bersih dan lebih tenang.
- d. Perubahan positif lainnya ialah adanya usaha yang serius dan berterusan untuk membaca al-Qurān di rumah setiap malam, melakukan wirid setiap kali selesai solat fardu, berdoa setiap selesai solat, merasa lebih dekat dengan Allah.
- e. Perubahan ketara yang dirasakan juga ialah kebiasaan untuk melakukan qiamullail sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu, mengerjakan solat

sunat *nāfilah* (sebelum dan sesudah solat fardu) dan menghafal satu juzuk al-Qurān dalam setahun.

### **5.3 Saranan dan Cadangan**

Cadangan yang dikemukakan ini ialah hasil daripada kajian yang telah dilakukan. Menerusi cadangan ini, diharapkan pihak pengurusan ISKD, dapat mengenalpasti dan memahami setiap permasalahan yang timbul dan berusaha untuk memperbaikinya atau terus meningkatkan mutu perkhidmatan sekiranya ia positif.

Terdapat beberapa cadangan yang pengkaji dapat utarakan berhubung pengurusan program dakwah di IISKD ini, antaranya:

- a. Pengkaji ingin menarik perhatian setiap yang terlibat dalam pengurusan di IISKD khususnya pengurusan program dakwah untuk menilai semula segenap sudut yang berkaitan dengan pengurusan, khasnya pengurusan program dakwah.
- b. Bagi memantapkan mutu pengurusan program dakwah terbabit ia perlu kepada anjakan paradigma sama ada dari pihak atasan mahupun kakitangan yang berkhidmat di IISKD. Jika langkah penilaian semula ini dilakukan secara positif, pengkaji yakin segala masalah dan halangan yang dihadapi dalam menjalankan setiap program dakwah akan mudah dihindari dan diselesaikan.
- c. Dalam melaksanakan dan menjalankan program dakwah yang baik dan berkesan, ianya perlu kepada kesepaduan dan kemantapan institusi tersebut. Maksudnya pengkaji ingin menyarankan kepada semua yang terlibat dalam setiap program dakwah di IISKD agar sentiasa bekerjasama dalam mengendalikan program dakwah agar natijahnya positif dan memberangsangkan. Tiada gunanya mempunyai program dakwah yang banyak tetapi tidak mendatangkan hasil dan natijah yang diinginkan. Oleh itu, pengkaji

menyarankan agar IISKD memikirkan tentang senario dengan meletakkan kecemerlangan program dakwah itu sebagai satu keutamaan.

- d. Hasil kajian berhubung pengurusan program dakwah di Integrated Islamic School Kota Damansara (IISKD) telah menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan program-program tersebut, terutamanya dalam hal komunikasi sesama penanggungjawab program. Segala permasalahan dan halangan tersebut sepatutnya tidak timbul jika pihak pengurusan merangka dan memastikan bahawa unit-unit yang terlibat dalam pelaksanaan program-program itu bekerjasama dalam menjayakan program-program dakwah yang telah dirancang.
- e. Tunjang kajian ini ialah kupasan berhubung pengurusan program-program dakwah yang terdapat di IISKD. Sepertimana yang sedia maklum dalam mendapatkan data yang komprehensif pengkaji telah memikirkan beberapa masalah yang sering berlegar di dalam pelaksanaan program-program dakwah. Hasilnya terdapat beberapa masalah yang timbul dalam topik-topik tertentu berhubung program-program tersebut.
- f. Oleh yang demikian, pengkaji menyarankan kepada pihak pengurusan agar mengkaji dan memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam analisa kajian yang telah dijalankan. Mana-mana masalah yang besar dan kompleks hendaklah diselesaikan dengan segera. Ini perlu kerana jika masalah-masalah tersebut dibiarkan tanpa sebarang tindakan penyelesaian di kuarir ianya akan menjejaskan program IISKD secara keseluruhan yang tentunya akan menjejaskan imej sebagai sebuah institusi dakwah yang berpotensi besar.
- g. Hendaklah dilakukan pendekatan dalam menilai semula program-program dakwah yang dijalankan melalui borang penilaian. Ianya amatlah perlu diambil kira untuk mengetahui maklum balas daripada kakitangan yang bekerja

menjalankan program-program tersebut mahupun pelajar yang terlibat sama di dalamnya.

- h. Namun, yang lebih penting tentu setelah borang penilaian itu diperoleh perlu kepada suatu analisis yang dibuat untuk berespons komen dan pandangan yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat.
- i. Pengkaji tertarik dan memuji terhadap pendekatan yang digunakan oleh pihak pengurusan IISKD dalam menilai semula program-program yang dijalankan melalui penganalisan atau bedah siasat.
- j. Namun, dari kajian yang pengkaji lakukan dan hasil temu bual dengan beberapa kakitangan diperoleh bahawa tiada sebarang tindakan lanjut terhadap *post mortem* atau bedah siasat yang telah dibuat sehingga biasanya, kesilapan yang sama kembali terulang pada masa selanjutnya, terlebih lagi kerana guru yang terbabit dalam pengurusan program tersebut adalah guru yang lain.
- k. Sewajarnya, pihak pengurusan harus menitikberatkan penilaian tersebut kerana dengan penilaian itulah pihak pengurusan dapat memperbaiki sesuatu perkara jika timbul masalah dan memperbaiki seta meningkatkannya pada masa hadapan. Penilaian ini juga perlu sebagai aras penanda terhadap kesan sesuatu program yang dijalankan.
- l. Ciri dan fungsi pengurusan dilihat sebagai satu aspek utama untuk mengkaji sejauh mana kesan dakwah dan gerak kerja tersebut dapat berjalan lancar mengikut perancangan yang ditetapkan.
- m. Kesan pengurusan dakwah dalam sesebuah organisasi dilihat berdasarkan perancangan, pelaksanaan program dan penyelarasan mengikut perancangan yang telah ditentukan serta yang paling utama ialah komitmen dari semua pihak yang terlibat.



- n. Saranan pengkaji selanjutnya ialah mengharapkan agar kajian ini dapat dikembangkan lagi oleh pengkaji-pengkaji ilmiah yang akan datang. Jadikan kajian ini sebagai *'bench marking'* (kayu ukur) kepada kajian yang akan dijalankan khususnya bagaimana meningkatkan kesan program-program dakwah yang dijalankan di sekolah-sekolah.

Pengkaji amat mengharapkan agar segala saranan dan cadangan yang diutarakan dengan panjang lebar di atas diberi perhatian oleh pihak pengurusan IISKD. Segala komen dan pandangan tersebut bukan untuk memperlihatkan kelemahan dan kepincangan pengurusan di IISKD tetapi ianya bertujuan untuk memberi pandangan yang objektif dalam meningkatkan kemampuan dan keupayaan IISKD sebagai suatu institusi dakwah yang global dan memiliki daya saing serta dirindukan oleh semua orang yang ingin mencari penyelesaian terbaik dalam sistem pendidikan yang Islamik.

#### **5.4 Penutup**

Pada dasarnya, Integrated Islamic School Kota Damansara telah memainkan peranannya dengan baik selari dengan visi dan misinya. Hasil kajian ini, mendapati bahawa program-program dakwah yang telah dijalankan telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat setempat dan itu dibuktikan dengan meningkatnya jumlah pelajar yang masuk ke IISKD dari tahun ke tahun bahkan ramai yang harus berada dalam daftar tunggu untuk membolehkan anak mereka belajar di IISKD.

Pengkaji tidak menolak kemungkinan bahawa faktor pengurusan yang cekap dan sistematik telah membantu pusat ini menjadi sebuah pusat penyebaran dakwah yang cukup terkenal di Kota Damansara dan sekitarnya.

Tentang masalah-masalah yang timbul, pengkaji menggesa agar pihak pengurusan yang terdiri dari pembuat dasar dan pelaksana mencari alternatif yang berkesan dan bersepadu agar memastikan setiap permasalahan tersebut dapat dielakkan.

Apa yang diharapkan ialah IISKD boleh memainkan peranan yang lebih besar dalam mengembangkan dakwah Islamiah di Selangor khususnya dan di Malaysia umumnya serta menjadi model kepada institusi pendidikan Islam lainnya agar memiliki daya saing dan dinamik.

Semoga segala maklumat dan data yang diperoleh mampu dijadikan bahan dan rujukan kepada sekolah-sekolah atau institusi dakwah lainnya dalam memperkemaskan jentera pengurusan mereka. Harus diingat bahawa pengurusan institusi yang baik mampu menjadi mekanisme terbaik dalam menjamin kelangsungan penyebaran dakwah di dunia ini.